


Jilid I
Bil. 99



Hari Isnin
26hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10627]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kesembilan):

Jadual—

Maksud B. 28 [Ruangan 10655]

Maksud B. 29 [Ruangan 10698]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kesembilan):

Maksud P. 28 [Ruangan 10655]

Maksud P. 29 [Ruangan 10678]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat)
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping)
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMAPLING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
 - „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 - „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
 - „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
 - „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
 - „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
 - „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
 - „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
 - „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
 - „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
 - „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
 - „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 26hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KAYU GERGAJI

1. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh kerana Kerajaan berpendapat mengurangkan eksport kayu-kayu gergaji bukan caranya untuk mengatasi masalah kekurangan kayu-kayu gergaji di pasaran tempatan, apakah langkah-langkah lain yang diambil untuk mengatasi masalah yang teruk ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa industri perumahan tempatan dan beberapa industri-industri lain menggunakan kayu sebagai bahan mentah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan bekalan kayu gergaji dan juga kayu balak jenis tertentu. Kementerian saya selain daripada mengurangkan eksport kayu-kayu gergaji jenis tertentu seperti langkah yang telah diambil melalui pengharaman pengeksportan kayu gergaji jenis seperti dan menghadkan pengeksportan kayu gergaji jenis balau merah dan chengal kepada gred "Select and Better" sahaja telah mengambil langkah-langkah lain seperti berikut untuk mengatasi masalah kekurangan ini:

(i) Kementerian saya sedang merancang untuk mempercepatkan lagi program menghutan semula hutan-hutan yang telah dibalakkan dan berhubung dengan

ini kerja-kerja bancian hutan sedang dijalankan untuk menentukan jenis rawatan yang perlu dibuat.

- (ii) Pihak Kerajaan melalui ucapan Belanjawan bagi tahun 1980 telah memberikan pengecualian cukai untuk tanaman semula hutan. Berhubung dengan ini penanaman kayu kayan dimasukkan ke dalam takrif "tanaman yang dibenarkan" di dalam Akta Cukai Pendapatan. Dengan ini perbelanjaan modal dan apa-apa perbelanjaan untuk menanam semula kayu kayan akan diberikan pelepasan cukai.
- (iii) Kementerian saya juga menggalakkan pengimportan kayu balak dari luar negeri dan juga kemasukan kayu balak dari Sabah dan Sarawak dengan tujuan untuk memperbekalkan kilang-kilang papan dengan bahan mentah yang diperlukan dan dengan demikian menambahkan pengeluaran kayu gergaji untuk kegunaan tempatan. Pihak Kerajaan telahpun mengecualikan cukai import dan cukai tokok yang dikenakan ke atas balak-balak yang diimport ke Semenanjung Malaysia.
- (iv) Pihak Kerajaan juga kini sedang menimbang untuk mengecualikan cukai import dan "import surcharge" yang dikenakan ke atas kayu gergaji yang diimport.
- (v) Selain daripada itu Kementerian saya melalui Instituit Penyelidikan Perhutanan sedang giat membuat penyelidikan untuk meninggikan kegunaan sumber kayu kayan negara.
- (vi) Kementerian saya juga menggalakkan industri-industri yang memproses barangan yang mempunyai "value-added" yang tinggi serta mengeksport akan jenis kayu-kayu yang kurang

populer supaya bahan kayu-kayan dapat digunakan dengan maksimanya bagi yang kurang popular.

- (vii) Kementerian saya melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia juga telah mengklasifikasikan beberapa buah negara sebagai "Specified Country" yang mana kayu-kayu gergaji yang berperingkat sahaja boleh dieksportkan ke negara-negara tersebut. Dengan langkah ini lebih banyak kayu gergaji yang tidak diperingkat akan berada dalam negeri untuk kegunaan tempatan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah kekurangan kayu kayan gergaji dalam pasaran negara kita, masalah harga tinggi juga sedang dihadapi oleh rakyat jelata kita iaitu pasaran dalam negara ini hanya akan mendapat kayu-kayan gergaji itu dengan harga yang lebih kurang sama dengan harga kayu yang dieksport itu. Jika Kementerian sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya harga yang digunakan dalam negara kita patutlah lebih murah daripada harga yang dieksport itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, adalah di luar pengetahuan saya bahawa harga yang dieksport lebih rendah daripada harga yang terdapat di dalam negara kita sendiri. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa memang berlaku sekarang permintaan yang meningkat di dalam dan juga di luar negeri kita. Dan seperti yang saya telah nyatakan tadi bahawa pihak Kerajaan memang sedar dan memberi keutamaan kepada keperluan tempatan. Oleh yang demikian, seperti yang saya nyatakan tadi langkah-langkah yang telah dibuat dan langkah-langkah yang sedang diambil adalah diharapkan lebih banyak kayu akan tersedia ada dalam bekalan pasaran tempatan dan dengan ini membolehkan orang-orang kita menggunakan kayu kita sendiri dengan mencukupi dan dengan harga yang menasabah.

LANTIKAN TIMBALAN PENDAFTAR DI RUMAH PANJANG

2. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberi kuasa kepada ketua-ketua rumah panjang untuk menandatangani sijil-sijil

beranak bayi-bayi yang baru lahir oleh kerana mereka lebih mengetahui tentang bayi-bayi yang dilahir di rumah-rumah panjang memandangkan bahawa pada masa sekarang sijil-sijil ini terpaksa ditandatangani oleh ketua-ketua masyarakat seperti Temenggong, Pemanca atau Penghulu dan keadaan ini menyebabkan kelewatan untuk menghantarkan sijil-sijil tersebut ke Pejabat Pendaftaran.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar dan amalan pihak Kerajaan melantik Timbalan Pendaftar di dalam keadaan sekiranya rumah panjang itu adalah jauh di pedalaman. Dan di dalam perlantikan ini kita menggunakan Tuai Rumah, sudah menjadi amalan dan dasar. Tetapi ada kalanya tidak dapat dipenuhi maksud ini kerana lantikan menjadi Timbalan Pendaftar ini berkehendakkan mereka yang boleh menulis dan betul-betul menjaga buku pendaftaran. Jadi ada tempatnya di dalam pedalaman itu Tuai Rumah itu tidak boleh menulis atau membaca, sebab itulah kadang-kadang ada jua yang kita tidak dapat melantik. Walaupun begitu, pihak Kerajaan akan berusaha dengan seberapa daya upaya memberi kesenangan kepada mereka yang di dalamnya.

BAHASA MALAYSIA—PENGUNAAN DI MAHKAMAH

3. **Tuan Shamsuri bin Md. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sudah menyusun satu program bagi melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah di negeri ini; jika ya, sejauhmanakah program itu sudah dijalankan; jika tidak, mengapa; dan bilakah program itu hendak disiap dan dilaksanakan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian mengenai kedudukan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah. Dasar Kerajaan yang diamalkan sekarang berlandaskan peruntukan-peruntukan Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan, 1967.

Perkara 152 (4) Perlembagaan Persekutuan berbunyi demikian:

“Walau apapun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, segala pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak payah diterjemah atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.”

Perkara 152 (5) pula menambah:

“Walau apapun peruntukan Fasal (1), sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, segala pembicaraan dalam Mahkamah rendah, lain daripada mengambil keterangan, hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris.”

Tuan Yang di-Pertua, maksud peruntukan di atas ialah bagi tempoh 10 tahun selepas merdeka bahasa Inggeris hendaklah (shall be) digunakan di dalam mahkamah, sehingga Parlimen memperuntukkan sebaliknya, iaitu selepas 10 tahun, daripada tahun 1967 Parlimen kita telah mengadakan peruntukan khas di dalam Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 Mengenai Bahasa Mahkamah Seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 menyatakan—

“Segala pembicaraan melainkan keterangan yang diberi oleh seorang saksi dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana mahkamah rendah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, atau sebahagian dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagian dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam pembicaraan dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan bagi pembicaraan itu, memerintah bahawa pembicaraan itu (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) hendaklah sama ada kesemuanya dalam Bahasa Kebangsaan atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.”

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyedari hakikat ini beberapa langkah tertentu telah diambil untuk menentukan penggunaan

Bahasa Malaysia di Mahkamah. Antaranya semenjak 1968, sebilangan besar undang-undang dalam Bahasa Malaysia dijadikan naskah sehih atau authoritative text. Di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya pula penuntut adalah dikehendaki menguasai Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris dan bagi tahun akademik 1978-1979 ini semua kuliah dijalankan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan. Kita sama-sama berharap apabila siswazah-siswazah ini lulus kelak, mereka akan sama-sama berikhtiar mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam profession mereka masing-masing.

Dari segi pentadbiran pula, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kehakiman semenjak 1970 telah mengeluarkan arahan kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sessions dan Magistret Mahkamah Rendah supaya mereka menggunakan Bahasa Malaysia dalam tiap-tiap pembicaraan mahkamah masing-masing, setakat mana yang dapat tanpa mengganggu perjalanan pembicaraan itu. Arahan ini sudah pun dipatuhi. Dalam mengendalikankan pembicaraan, hakikat terpenting dan utama ialah berpandukan rukun-rukun keadilan. Sesuatu pembicaraan dianggap tidak sah jika sekiranya tidak menepati rukun-rukun itu. Walau demikian, menurut undang-undang dan sistem perundangan kita, saksi-saksi atau orang yang dituduh boleh menggunakan bahasa yang ia faham sepenuhnya, penterjemah-penterjemah disediakan untuk maksud itu dan terjemahan bahasa yang digunakan oleh saksi atau orang yang dituduh tidaklah menjadi masalah kerana apa yang disebut itu berbentuk cerita atau narrative sahaja tetapi masalah besar adalah bagi menterjemahkan bahasa perundangan (legal language). Apabila sesuatu terjemahan dibuat dari bahasa Inggeris dan ianya tidak menepati maksudnya, maka pembicaraan itu akan dianggap tidak adil dan tidak sah.

Begitu juga bahasa undang-undang dan segala punca undang-undang (the sources of law) dan asal undang-undang bertulis dalam bahasa Inggeris adalah sukar dan rumit untuk digantikan walaupun dalam masa yang panjang kerana perkara-perkara itu dijadikan precedent pula. Mengenai undang-undang dalam Bahasa Malaysia yang ada hanyalah semata-mata undang-undang mengenai kuasa Kerajaan tetapi undang-undang yang besar yang ada kaitannya dengan hak-hak rakyat, masih lagi dalam Bahasa Inggeris sekarang. Begitu juga dengan commentariesnya bagi

undang-undang itu, itu tidak dapat diterjemahkan. Selain daripada itu tidak ada buku undang-undang yang ditulis pula dalam Bahasa Malaysia melainkan ada satu dua buku yang kecil sahaja sehingga sekarang. Oleh yang demikian, kita memerlukan ramai lagi peguam-peguam yang mempunyai minat mengarang buku-buku undang-undang dalam Bahasa Malaysia; karangan dalam bahasa Inggeris pun sukar didapati sekarang oleh peguam kita. Ini disebabkan mungkin tidak banyak peguam tempatan menumpukan masa mereka dalam bidang guaman masing-masing daripada menerbitkan buku-buku undang-undang kerana menerbitkan buku undang-undang ini wangnya lumayan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan demikian penggunaan Bahasa Malaysia adalah dalam Mahkamah perlulah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat atau beransur-ansur.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, daripada keterangan yang panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri tadi kita sudah mendapat tahu bahawa arahan sudahpun diberi supaya Bahasa Malaysia itu seboleh-bolehnya digunakan dalam mahkamah kita. Sekarang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa adakah Yang Berhormat Menteri sedar kenyataan yang telah dibuat oleh Ketua Hakim Negara yang meragukan kemampuan Bahasa Malaysia digunakan dalam perbicaraan di Mahkamah kononnya peralihan bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia akan mengambil masa sehingga berabad-abad lagi dan kononnya dengan penggunaan Bahasa Malaysia itu akan menjejaskan asas penting dalam setiap perbicaraan iaitu dalam maksud mencapai keadilan? Seseungguhnya kesimpulan dari kenyataan pegawai tersebut bukan sahaja telah menampakkan sikap prejudiceny terhadap bahasa rasmi negara ini tetapi apa yang harus dikaji dan diambil perhatian berat adalah bahawa secara tidak langsung beliau telah mencemar dan memperolok-olokkan serta mempersendakan Perlembagaan negara kita yang suci di mana beliau yang sepatutnya sebagai Ketua Hakim Negara mesti mempertahankan Perlembagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ketua Hakim Negara adalah salah seorang daripada yang termasuk dalam fasal yang

tidak sewajarnya disebut tetapi oleh sebab perkara yang dikeluarkannya di luar dari mahkamah, jadi tuduhan terhadap Yang Arif itu tak boleh tetapi hanya tumpukan kepada perkara itu sahaja.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, sepatutnya sebagai Ketua Hakim Negara beliau mestilah mempertahankan Perlembagaan kita yang suci ini. Jadi ini tepatlah dengan pepatah Melayu yang mengatakan: Harapkan pagar, pagar makan padi. Kalau beliau sedar atas kenyataan yang telah dibuat

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau Yang Berhormat Menteri sedar atas kenyataan yang telah dibuat yang bercanggah itu, apakah tindakan tatatertib yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri kepada pegawai yang tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak boleh diambil tindakan tatatertib. Dewan ini telah meluluskan Akta berhubung dengan jawatan kehakiman, melainkan ada dijalankan di bawah Perlembagaan juga.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan ataupun arahan yang patut diberi kepada Ketua Hakim Negara?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sedar apa yang saya baca dalam akhbar. Memandangkan jawapan saya tadi, di sini saya telah menyatakan arahan ini untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan di dalam mahkamah-mahkamah—sessions dan magistrate semenjak tahun 1970 ialah daripada Jabatan Kehakiman. Ini bermakna Jabatan Kehakiman termasuk Ketua Hakim Negara dan lain-lain telah bersetuju mengeluarkan arahan ini untuk mahkamah tengah dan magistrate seberapa yang boleh menggunakan perbicaraan dalam Bahasa Kebangsaan semenjak tahun 1970. Ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa jua pun. Kita memegang kepada apa yang dibaca dalam akhbar samada semua itu betul tiap-tiap perkataan atau ada perubahan sedikit, kita tidak faham. Tetapi kita misalkan semua apa yang dikhabarkan itu betul apa yang diperkatakan oleh Ketua

Hakim Negara itu, saya percaya pada pandangan saya apa yang disebutkannya itu ialah berkenaan dengan percikaraan di mahkamah tinggi bukan mahkamah rendah atau mahkamah tengah, kerana arahan daripadanya telah dikeluarkan semenjak tahun 1970 menggunakan Bahasa Kebangsaan, kerana arahan ini cuma menggunakan dalam Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Sessions dan Mahkamah Magistrate Rendah tidak termasuk Mahkamah Tinggi.

Tentang pendapat samada berada tahunkah, berabad-abadkah, terpulunglah kepada pendapat masing-masing. Tidak bermakna ada orang memikirkan berkurun-kurun, takkan hendak dihukum pula, itu pendapat masing-masing. Itulah yang saya dapat jawab.

Berkenaan dengan pindaan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua dan sekalian Ahli Yang Berhormat sedia maklum tidak ada tindakan boleh diambil kepada seorang hakim, melainkan mengikut cara-cara yang ada termaktub dalam Perlembagaan.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri di dalam jawapannya telahpun menyentuh Perkara 152 (4) Perlembagaan yang mana begitu nyata bahawa roh Perlembagaan khususnya roh Perkara 152 (4) menyatakan bahawa selepas 10 tahun percikaraan di dalam mahkamah hendaklah dijalankan di dalam Bahasa Malaysia. Dan bagi mencerminkan kehendak Perkara 152 (4) tadi, Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya juga telah membacakan beberapa seksyen di bawah Akta Bahasa Kebangsaan, 1963 dan 1967. Soalannya, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pecahan-pecahan yang beliau telah baca malah sebahagian besar daripada Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 adalah tidak lagi mencerminkan hasrat Perlembagaan Perkara 152 (4) bersendikan kepada perkembangan yang sedang berjalan dalam negara kita ini. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa seumpamanya seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1967 tidak lagi sesuai kerana ia membenarkan Akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen dalam dua naskhah. Apakah beliau bercadang untuk meminda beberapa seksyen termasuk seksyen 6 Akta tersebut seumpamanya supaya membolehkan satu sahaja naskhah sah di dalam kelulusan undang-undang dalam Parlimen iaitu naskhah di dalam Bahasa Malaysia. Seumpamanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi ini

sendiri, kita sedang dan akan meluluskan keseluruhannya setakat ini 7 Rang undang-undang yang mana 3 daripadanya naskhah sahihnya di dalam Bahasa Malaysia dan 4 lagi yang belum diluluskan akan dibincangkan—ada empat lagi Rang Undang-undang, keempat-empatnya naskhah sahihnya adalah dalam bahasa Inggeris. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk meminda seksyen 6 supaya apa juga Akta yang diluluskan oleh Parlimen, naskhah sahihnya hendaklah di dalam Bahasa Malaysia sahaja dan tidak ada lagi boleh di dalam bahasa Inggeris.

Soalan kedua, apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk meminda seksyen 8, yang mana beliau telah bacakan tadi, atas alasan bahawa ia tidak lagi mencerminkan hasrat Perlembagaan Perkara 152 (4) supaya semua percikaraan di dalam mahkamah hendaklah di dalam Bahasa Malaysia, kecuali keterangan saksi atau yang dituduh, bolehlah menggunakan apa bahasa yang mereka fasih, melainkan terjemahnya hendaklah di dalam Bahasa Malaysia, iaitu diberi peluang yang luas kepada saksi dan yang dituduh untuk bercakap dalam apa bahasa sekali pun, baik bahasa Siam, bahasa Jepun, bahasa apa sekalipun, tetapi terjemahan keterangan mereka hendaklah di dalam Bahasa Malaysia. Dan saya suka bertanya juga, adakah Yang Berhormat Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Ini banyak sangat soalan tambahannya. Duduk dahulu. Sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan ini, di mana Rang Undang-undang yang baru, boleh dikatakan hampir semuanya naskhah sahihnya ialah Bahasa Malaysia, tetapi mana undang-undang yang di bawah pindaan kepada undang-undang yang sudah sedia ada di dalam bahasa Inggeris, maka naskhah sahihnya ialah dalam bahasa Inggeris. Jadi soal Rang Undang-undang di bawa dalam Dewan ini jelaslah hampir semua undang-undang yang asal, yang baru, naskhah sahihnya ialah dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Soalan saya tadi ialah oleh kerana Undang-undang yang dibuat sebelum daripada 1hb September, 1967

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya faham. Saya hanya menjelaskan apa yang sebenarnya keadaan di dalam Dewan ini dengan Perlembagaan yang ada sekarang dan juga Akta Bahasa Kebangsaan yang ada sekarang.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan sebenarnya apa yang berlaku dalam Parlimen berkenaan dengan undang-undang baru semenjak 1hb September 1967 itu tidak payah saya jawab lagi. Sebenarnya bila kita tengok Perlembagaan apabila cukup 10 tahun, kita telah membuat satu Akta Bahasa Kebangsaan supaya melaksanakan seberapa yang boleh pada keadaan masa itu penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam semua pentadbiran Kerajaan termasuk dalam penggunaan di mahkamah. Tetapi memandangkan keadaan masa itu 10 tahun selepas merdeka, kita membuat Undang-undang Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1967 sebagaimana yang ada sekarang ini. Dengan adanya pada masa itu semua berhasrat satu masa kelak dengan adanya progress yang berjalan berkenaan dengan undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan, terjemahannya dan kebolehan peguam masing-masing, kita akan meminda undang-undang itu, bukanlah undang-undang itu statik selama-lamanya, tinggal lagi masanya, samada sekarang, dua tahun lagi atau 5 tahun lagi, ini yang ditanyakan oleh Yang Berhormat itu, kerana saya sedar pertanyaannya itu, bila undang-undang dipinda, terpaksa semuanya mematuhi. Saya faham itulah cara yang senang sekali. Tetapi hasrat ada berlainan daripada pelaksanaan (practicality). Hasrat ini tinggi kadang-kadang, hasrat saya pun kalau mengikut Bahasa Kebangsaan ini bukan main melampau juga, tetapi segi prektikalnya lain.

Cadangan itu, saya tidak boleh menjawab bila masanya, cuma saya ada memikirkan satu perkara sahaja selepas soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat itu kemungkinan selepas ini, Kerajaan kita akan mengadakan satu Jawatankuasa yang di pengerusikan oleh Menteri Undang-undang dan ahli-ahlinya terkandung dari Majlis Peguam, Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-undang, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya atau pun seorang dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang membuat kajian dan mengemukakan syor-syor bagaimana dapat kita lebih perluaskan atau mempercepatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua aspek samada di

mahkamah atau dalam terjemahan undang-undang. Daripada syor-syor itu akan ditimbangan sepenuhnya oleh Kerajaan dan daripada itulah akan kita tetapkan, bila sampai masanya kita akan pinda sebagaimana kehendak setengah-setengah daripada Ahli-ahli dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar tanpa menyoalkan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam mahkamah tidak bertentangan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Fasal 152 oleh kerana peruntukan Fasal 152 tidak menetapkan satu tempoh maksima untuk penggunaan bahasa Inggeris tetapi sebenarnya satu tempoh minima dan Artikel 152 ada mengatakan bahawa daripada segi practicality dan keadilan penggunaan bahasa Inggeris mungkin perlu digunakan untuk satu masa yang lebih panjang daripada lain-lain bidang.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Perlembagaan bahasa Inggeris itu boleh digunakan hingga 10 tahun lagi dan selepas 10 tahun masa itu Parlimen boleh kalau hendak buat dalam masa itu Akta Bahasa Kebangsaan terus semua sekali dalam Bahasa Malaysia. Tidak ada larangan dalam Perlembagaan, hanya kita memandangkan dari segi practicality, sebab itulah kita ada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 itu membenarkan kedua-dua bahasa itu selaras boleh digunakan dalam dua bahasa—bahasa Inggeris atau Bahasa Kebangsaan dalam perbicaraan.

Saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu di segi keadilan ini bukan sahaja dalam bahasa Inggeris, ada disebut di sini, dengan perintah mahkamah boleh mahkamah memerintahkan semua perbicaraan dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan demi kepentingan — keadilan — ada disebut — atau bahasa Inggeris. Ini mesti kita ingat, jangan lupa perkara itu iaitu kalau sekiranya peguamnya orang Melayu, yang bertumbuk dua orangpun orang Melayu pengadilnya orang Melayu — kalau sayalah pengadil saya kata demi kepentingan keadilan semuanya berjalan dalam Bahasa Kebangsaan. Selalu orang memandangkan aspek bahasa Inggeris sahaja, lupakan ada dalam peruntukan, sama ada dijalankan dengan seluas-luasnya, itu terpulanglah kepada mahkamah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sebagaimana yang diterangkan tadi bahawa keadilan adalah mustahak dalam sesuatu perbicaraan itu. Jadi saya ingin bertanya apakah yang paling penting dan paling utama dalam satu-satu perbicaraan di mahkamah; menjamin pelaksanaan undang-undang dan memelihara keadilan atau penggunaan bahasanya. Sekiranya penggunaan bahasa tidak menjadi perkara utama apakah yang menghalang Bahasa Malaysia dilaksanakan di mahkamah negara ini?

Kedua, adakah pihak Kerajaan telah menjalankan perbicaraan ringan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tengah di dalam Bahasa Malaysia sekarang ini? Sekiranya ada, berapa banyak kes-kes telah dibicarakan?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tahu kes-kes perbicaraan dalam Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Sesyen dan di Mahkamah Rendah sejak tahun 1970 seperti arahan itu, saya minta notis.

Soalan yang kedua di segi keadilan dan bahasa, kedua-dua ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mengikut emosi sahaja hendak melaksanakan Bahasa Kebangsaan dengan mengeneipkan kepentingan keadilan, inipun merbahaya juga. Tetapi kita pun tidak suka untuk menggunakan sebagai dalih keadilan itu untuk melambat-lambatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Itu yang dikhuatirkan oleh kebanyakan back-benchers kita.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu hidup mati sesuatu bahasa itu adalah bergantung kepada penggunaannya. Hari ini banyak bahasa yang sudah mati; umpamanya, bahasa Latin. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah panjang lagi, apakah soalan tambahannya?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Jadi berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia kita, kita tidak mahu bahasa kita mati satu hari nanti sebab tidak digunakan. Jadi soalan saya setelah kita diberitahu tadi oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Undang-undang bahawa arahan telahpun dike-

luarkan supaya Bahasa Malaysia juga digunakan dalam semua mahkamah, saya ingin tahu daripada pihak Menteri adakah di sana penghalang-penghalang sehingga Bahasa Malaysia ini tidak dapat digunakan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dalam bahasa Arab umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah contoh!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Jadi soalan saya kenapa undang-undang lain, umpamanya, undang-undang Islam sepatutnya dalam bahasa Arab sebab turunya undang-undang itu dalam bahasa Arab tetapi undang-undang ini boleh dijalankan di Mahkamah-mahkamah Syariah dengan Bahasa Malaysia berjalan daripada dahulu sampai sekarang ini. Saya ingin tahu kenapa tidak boleh dijalankan sekarang dan saya ingin tahu dalam Dewan yang mulia ini tolong beritahu saya siapakah penghalang kepada penggunaan Bahasa Malaysia ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada jawapan itu tadi sudah ada terkandung dalam penerangan yang mula-mula diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Sepanjang yang saya ketahui, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perbicaraan dalam Mahkamah Syariah semua undang-undang sungguhpun Quran itu tidak boleh diterjemahkan terus dalam Bahasa Kebangsaan, semua undang-undang dibuat dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi perbicaraan senang diteruskan dalam Bahasa Kebangsaan; bukan maknanya tidak adil keputusan Mahkamah Syariah.

Tentang penghalang tadi saya tidak tahu apa yang dikatakan penghalang penggunaan Bahasa Kebangsaan menyebabkan Bahasa Kebangsaan akan mati. Saya tidak nampak Bahasa Kebangsaan akan mati, malahan akan tetap hidup. Dalam Parlimen ini semuanya bertutur dalam Bahasa Kebangsaan. Lambat matinya, lama hidupnya bahasa kita.

Tuan Yang di-Pertua: "Lambat mati" itu akhirnya akan mati juga (*Ketawa*).

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tidak akan mati. Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik. Hidup selama-lamanya dan tidak akan mati, terima kasih Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) (*Tepek*). Merbahaya hidup lama.

Apakala kita dapat soalan notis berapa banyak kes yang telah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan semenjak 8 tahun sehingga sekarang, kita akan dapati sama ada digunakan atau tidak dan dapat cari apakah perkara yang menghalang penggunaan Bahasa Kebangsaan. Itu kita dapat tahu, adakah orang kita sendiri atau kebanyakan peguam tidak dapat menguasai Bahasa Kebangsaan atau ada juga orang-orang Melayu sendiri walaupun dia peguam dan majistret tetapi tidak suka menggunakan Bahasa Kebangsaan. Ini akan kita siasat kalau ada soalan notis pada masa akan datang.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada hasrat daripada Kerajaan untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam mahkamah-mahkamah kita di masa-masa yang akan datang dan juga mengadakan sedikit sebanyak perundangan Islam dalam menjalankan undang-undang di mahkamah kita, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bercadang untuk menasihatkan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya untuk mewajibkan Bahasa Malaysia dan juga Undang-undang Islam sebagai mata pelajaran yang wajib bagi penuntut-penuntut yang mengikuti kursus undang-undang di Universiti tersebut.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, masa ini perkara itu harus tidak wajib. Untuk menasihati itu bukan dari Kementerian Undang-undang sahaja, semua orang boleh menasihati sama ada hendak diikuti atau tidak terpulanglah kepada fakulti itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal kepada soalan ini Yang Berhormat Menteri telah menyebut mengenai Perlembagaan 152 (4) dan juga Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1967 Perkara (8). Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca sedikit ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sewaktu membentangkan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan pada 2hb Mac

1967. Saya petik daripada *Hansard* Jilid III Februari, 1967 hingga Mac, 1967 muka surat 5999.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat untuk soalan tambahan kita ada waktu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Sedikit sahaja. "Maka Fasal 8 ini membenarkan perbicaraan di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan ataupun dalam bahasa Inggeris ataupun sebahagian di dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagian lagi dalam bahasa Inggeris. Jika semua pihak di dalam perbicaraan itu terdiri daripada orang-orang Melayu, maka perbicaraan itu mestilah dijalankan di dalam Bahasa Kebangsaan". Soalan saya, sejauh manakah kenyataan Yang Teramat Mulia Tunku ini telah dilaksanakan sejak 3hb Mac hingga hari ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itu berkehendakkan notis kepada Yang Berhormat Menteri dan jawapan ini juga sudah ada sebahagian daripadanya diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Adakah Yang Berhormat Menteri hendak tambah?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tidak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini teks ucapan Tun M. Suffian di dalam Persidangan Undang-undang Yang Kelima yang diadakan di Kuala Lumpur pada 25 hingga 27 Oktober, 1979. Kalau Yang Berhormat Menteri mahu untuk refer, saya boleh beri kepada beliau sekejab lagi. Dalam itu beliau ada mengatakan, "Perubahan dalam undang-undang mengenai bahasa dan ugama akan dijalankan secara amat perlahan-lahan, dalam tempoh berdekad-dekad ataupun bercenturies-centuries." Jadi, saya hendak minta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri dengan penubuhan Jawatankuasa yang disebutkannya tadi, bolehkah Dewan ini diberi jaminan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia di semua mahkamah akan dapat dijalankan lebih awal daripada masa yang disebutkan oleh Ketua Hakim Negara?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa bukan senang seorang Menteri daripada pihak Kerajaan hendak memberi jaminan,

kerana jaminan susah, kemungkinan bagi semuanya ini di tangan Allah. Saya tidak berani memberi jaminan.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan pendapat Ketua Hakim Negara mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di semua peringkat mahkamah dengan secara perlahan-lahan dan berabad-abad ertinya mengambil masa berabad-abad mungkin satu century atau dua centuries.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat seorang yang lain, dan saya tidak akan memberi ulasan sama ada dia bersetuju atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya pun hendak tengok Yang Berhormat Menteri menjawab—itu bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 23.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi kita boleh membuat kesimpulan bahawa ramai di antara peguam-peguam yang bertugas sekarang atau yang berkhidmat termasuk hakim-hakim sama ada yang bukan Melayu apatah lagi yang belum lancar menguasai Bahasa Malaysia yang menghalang penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam mahkamah-mahkamah, terutama Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tengah. Oleh yang demikian, menyedari hal tersebut bagi melicinkan pelaksanaan Bahasa Malaysia di Mahkamah Rendah dan Tengah ini, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kursus dengan kerjasama Dewan Bahasa kepada Peguam-peguam kita, hakim atau majistret-majistret yang berkenaan?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang akan datang perkara ini tidak timbul kerana semua penuntut-penuntut Fakulti Undang-undang menjalankan pelajarannya dalam Bahasa Kebangsaan barangkali yang bukan Melayu pun lebih fasih daripada saya pula dari segi undang-undang. Tidak mustahak. Tetapi bagi mereka yang ada ini itulah tujuannya kerana kita ada lagi kebanyakan peguam dalam negeri ini yang belum boleh menguasai Bahasa Kebangsaan dalam perbicaraan. Jadi bukan orang Melayu dan banyak juga hakim setengah-setengah, sebilangan daripada hakim dan juga President, Sessions Court bukan

keturunan Melayu belum lagi dapat menguasai Bahasa Kebangsaan. Saya percaya dengan adanya satu Jawatankuasa ditubuhkan boleh jadi itu sebagai satu daripada cadangan yang mustahak dijalankan bukan sahaja daripada segi pegawai, hakim tetapi peguam-peguam juga kena lekas belajar Bahasa Kebangsaan, khasnya yang bukan orang Melayu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu Ahli lagi kerana masa sudah banyak digunakan, dan saya benarkan tadi perkara ini ialah kerana tidak menyentuh peribadi Ketua Hakim Negara yang dilarang oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (q).

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah teruk! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 23 (1) (q) yang ada hubungan dengan Peraturan Mesyuarat 36 (8), tetapi oleh sebab ucapan itu dilafazkan di luar daripada mahkamah, maka saya telah membenarkan tadi dengan tidak menyentuh peribadinya tetapi kepada masa atau isi daripada ucapan itu. Seorang sahaja lagi, Ahli Yang Berhormat dari Pontian yang belum lagi dapat peluang.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kenyataan secara langsung telah dibuat beralasan bahawa keadilan tidak dapat dicapai dalam perbicaraan di mahkamah kalau sekiranya perjalanan mahkamah itu menerusi Bahasa Kebangsaan. Saya ingin bertanya apakah Menteri yang berkenaan merasa pandangan ini satu pandangan yang jujur dan apakah beliau bersetuju bahawa pandangan ini boleh mencerminkan pandangan bagi pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh benarkan soalan ini dijawab kerana berlawanan dengan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan 4 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir.)

PILI BOMBA (HYDRANT) BARU DI BUKIT MERTAJAM

5. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar tidak adanya pili

air di Kampung Cross Street, Kampung Aston, dan Kampung Tanah Liat di kawasan Bukit Mertajam di mana terdapat beberapa ratus buah rumah papan di setiap kampung itu; jika ya, bila tindakan akan diambil untuk mendirikan pili air di kampung-kampung itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah berapa tepat kerana yang sebenarnya sudah ada 2 pili bomba di Kampung Cross Street dan ada 2 lagi di kawasan Kampung Jalan Tanah Liat. Yang tiada pili bomba ialah di Kampung Aston—tetapi tindakan telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk memasang pili bomba baru dalam tahun 1980 seperti berikut :-

- | | | |
|----------------------|-----|---------------|
| (i) Kg. Cross Street | ... | 2 pili bomba |
| (ii) Kg. Aston | ... | 10 pili bomba |
| (iii) Kg. Tanah Liat | ... | 2 pili bomba |

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Kluang.

PENERBANGAN CONCORDE

6. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa Malaysia baru-baru ini melanjutkan untuk enam bulan lagi hak kapal terbang Concorde untuk menerbang di ruang udara kita sebelum memperolehi hasil siasatan yang lebih mendalam untuk mendapati kesan-kesan akibat 'sonic boom' ke atas alam sekitar terutama sekali kesan-kesan terhadap "echosystem"; dan apakah kesan-kesan buruk yang didapati dalam enam bulan yang lepas berkait dengan penerbangan Concorde di ruang udara Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan bagi menyambung 6 bulan lagi penerbangan Concorde oleh kerana pengawasan dan siasatan atas kesan-kesan cara tertentu mengenai sonic boom belum lagi dapat ditentukan sekarang ini.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri berkenaan adakah benar Kerajaan menggunakan Concorde flight ini sebagai bargaining power bagi mendapatkan lebih flight ke London. Oleh kerana kita dapat tahu dalam Dewan ini MAS telah mendapat tambahan flight ke London pada masa yang akan datang. Bolehkah Kerajaan Malaysia meluluskan flight di ruang udara Malaysia.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum soal landing right dan soal penerbangan Concorde adalah dua perkara yang berasingan dan tidak ada kait mengait.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa Kerajaan berkehendakkan masa yang lebih panjang untuk mengesan sonic boom tadi. Jadi dalam hal ini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk mendapat pertolongan dari negara-negara lain yang sudahpun menjalankan penyiasatan tentang kesan sonic boom ini untuk faedah negara.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang dapat bantuan daripada mana-mana pihak sahaja untuk memutuskan soal ini. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa Kerajaan Malaysia adalah mempunyai alat dan tenaga yang cukup untuk menentukan sama ada sonic boom menjadi satu masalah atau tidak. Sehingga saat ini belum dapat kesimpulan yang lengkap.

JAMBATAN BARU DI PARIT— PEMBINAAN

7. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina sebuah jambatan baru di dalam Kawasan Parlimen Parit untuk menggantikan Jambatan Nordin bagi melicinkan lalulintas kerana perkara ini telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dalam tahun 1975 dan jika ya, bilakah jambatan ini akan dibina, jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, adalah

dimaklumkan bahawa pembinaan sebuah jambatan baru untuk menggantikan Jambatan Nordin telah dikaji semula di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan didapati jambatan tersebut tidak perlu diganti buat sementara waktu memandangkan keperluan lalulintas yang rendah dan pengguna-pengguna boleh melalui Jambatan Bota ataupun Jambatan Iskandar. Walau bagaimanapun projek ini akan dikaji semula dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan adanya pembinaan jalan-jalan luar bandar yang berjumlah 26 batu di sebelah hulu jambatan itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan. Adakah asas menentukan sama ada jambatan hendak dibuat ataupun hendak dibaharui atau tidak semata-mata atas kegunaannya? Sama ada kalau banyak digunakan baru hendak diperbaharui dan kalau tidak banyak digunakan tidak akan diperbaharui. Jika itu asasnya maka semua jambatan akan terdapat di bandar-bandar sahaja, maka kawasan-kawasan luar bandar akan terbiar. Kalau itu menjadi asas penentuan pembinaan ataupun pembaharuan jambatan-jambatan.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditanya ini ialah untuk memperbaiki. Jadi jambatan yang didapati di kawasan Parlimen Parit itu adalah satu jambatan yang masih baik dan masih boleh digunakan tetapi buat sementara ini jambatan itu keperluannya bagi diperbesarkan bukanlah begitu mendesak, tetapi akan dikaji dalam Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya kalau kajian itu didapati kegunaan jambatan itu mendesak maka kita akan laksanakan.

PENDAFTARAN KENDERAAN MENGIKUT JENIS

8. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pengangkutan menyatakan sehingga Julai 1979 bilangan kenderaan mengikut jenis yang berikut yang telah didaftarkan di Semenanjung Malaysia :-

- (i) kenderaan berat,
- (ii) kereta,
- (iii) teksi,
- (iv) van dan
- (v) motosikal

Di sepanjang tahun 1979 ini berapa buahkah yang terlibat dengan kemalangan jalan raya mengikut jenis kenderaan di atas.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dalam soalan ini meminta beberapa statistik, maka saya akan hantar secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu yang baik.

ZON EKONOMI EKSKLUSIF

9. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Undang-undang menyatakan untuk menuntut dan mengekalkan keutuhan Malaysia terhadap sumber-sumber laut serta perikanan demi kepentingan negara, bilakah Kerajaan akan mengisytiharkan "ZON EKONOMI" sejarak 200 batu yang sekarang ini sudah diterima oleh majoriti negara-negara di dunia.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa suatu jawatankuasa yang terdiri daripada semua Kementerian-kementerian yang terlibat telahpun ditubuhkan untuk mengkaji dan menyediakan satu laporan lengkap dan syor-syor mengenai semua perkara berkaitan dengan konsep "Zon Ekonomi Eksklusif" dan jawatankuasa tersebut telahpun selesai menjalankan kerjanya. Laporan yang disediakan oleh jawatankuasa itu telah dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan bagi kajian selanjutnya. Suatu keputusan mengenai pengisytiharan "Zon Ekonomi Eksklusif" bagi negara kita dibuat oleh Kerajaan selepas laporan dan syor-syor jawatankuasa itu dikaji dengan sepenuhnya.

HARGA SIMEN

10. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar timbulnya kekacauan dalam pasaran bahan-bahan pembinaan berikutan, pertama, ketetapan harga simen sebanyak \$8.20 sekampit dan kemudian, ketetapan harga simen luar kilang sebanyak \$6.50 sekampit, dan sama ada beliau sedar bahawa pengeluaran-pengeluaran simen menolak tawaran pengguna-pengguna atau pembeli-pembeli untuk mengangkut simen-simen itu dari kilang itu, menyebabkan mereka tidak dapat membeli simen dengan harga luar

kilang iaitu \$6.50 sekampit sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian itu. Mereka mendapat simen-simen itu dari depot-depot membuat simen di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar dengan harga sebanyak \$7.40 ke \$7.90 sekampit dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh beliau untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memberi keterangan sedikit tentang keadaan harga simen sebelum Kerajaan menetapkan harga runcit maksima sebanyak \$8.20 bagi satu beg. Harga simen pada masa itu ditetapkan di peringkat kilang (ex-factory) dan harganya adalah \$5.00 bagi satu bag. Harga runcit pula berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain mengikut kos pengangkutan. Siasatan oleh Kementerian saya menunjukkan bahawa harga runcit yang paling rendah adalah di Ipoh, iaitu sebanyak \$5.40 satu beg dan harga runcit yang paling tinggi adalah di Trengganu iaitu sebanyak \$7.80 satu beg.

Kementerian saya juga mendapati kekurangan bekalan simen seringkali berlaku di pantai timur oleh kerana kemudahan pengangkutan tidak mencukupi, kekurangan yang berlaku menyebabkan harga runcit menjadi lebih tinggi sehingga ke peringkat \$9.00 bagi satu beg. Semasa mengkaji permohonan syarikat-syarikat simen untuk menaikkan harga simen, Kementerian saya telahpun mengambil keputusan untuk mengubahsuaikan harga-harga runcit yang berbeza di tempat-tempat di Semenanjung Malaysia. Selepas kajian yang mendalam dibuat dan rundingan diadakan dengan syarikat-syarikat simen, Kementerian saya telah menetapkan harga runcit maksima bagi satu beg simen di paras \$8.20 bagi seluruh Semenanjung Malaysia.

Harga \$8.20 ini termasuk harga "ex-factory" dan juga kos pengangkutan purata dan komisyen kepada pengedar-pengedar dan peruncit-peruncit. Oleh kerana kos dan pengangkutan purata dikenakan di dalam perkiraan harga runcit maksima ini bermakna tempat-tempat dalam mana kos pengangkutan rendah menampung tempat-tempat di mana kos pengangkutannya tinggi. Dengan harga runcit maksima sebanyak \$8.20 satu beg

simen ini, syarikat-syarikat simen telah memberi jaminan bahawa semua tempat di Semenanjung Malaysia akan dapat bekalan yang mencukupi.

Sekiranya semua pengguna-pengguna dan pengedar mengambil simen terus dari kilang-kilang simen dengan harga \$6.50 satu beg, bekalan kepada pantai timur dan tempat-tempat terpencil di mana kos pengangkutannya tinggi sudah tentu akan terjejas. Ini adalah kerana dengan harga ex-factory sebanyak \$6.50 satu beg, dan harga runcit maksima \$8.20 sen satu beg peruntukan untuk membiayai kos-kos pengangkutan dan komisyen adalah sebanyak \$1.70 sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengangkutan ke pantai timur dan tempat-tempat yang jauh daripada kilang-kilang simen biasanya melebihi \$2.00 bagi satu beg. Seterusnya saya ingin menjelaskan bahawa sebelum Kementerian saya mengumumkan harga runcit maksima adalah menjadi amalan pengguna-pengguna dan pengedar-pengedar mendapat bekalan simen melalui depo-depo kilang-kilang simen dan amalan ini amatlah sukar untuk diubah dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat simen yang berkenaan dan juga pengguna-pengguna simen yang besar untuk mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah menghuraikan tentang harga pengedaran dan sebagainya mengenai simen. Saya ingin bertanya beliau, apakah beliau berpuas hati atau Kementerian beliau berpuas hati bahawa jaminan yang diberikan oleh syarikat-syarikat pengeluar simen itu telah memberikan pelaksanaan yang cekap atau sekurang-kurangnya telah mengelakkan kekacauan tentang pertumbuhan pembangunan dan penggunaan pembangunan di negara kita ini yang terlibat baharu-baharu ini tentang kekacauan yang dikatakan berlaku itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jaminan yang telah diberi oleh syarikat-syarikat simen bahawa simen adalah mencukupi bagi seluruh negara adalah menjadi satu faktor yang penting menyebabkan pembangunan telah berjalan dengan baik. Jadi, Kerajaan masih berpegang kepada

jaminan itu dan apabila rundingan-rundingan diadakan dengan pihak-pihak yang berkenaan iaitu pengeluar-pengeluar simen, faktor yang kita tekankan ialah supaya pembangunan bagi seluruh negara ini tidak tersekat dengan kekurangan simen ataupun bekalan-bekalan lain.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, jika saya tidak salah lebih kurang 3 minggu yang lalu, Persatuan Perniagaan Cina barangkali telah mengadakan satu dialog session dengan Pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan ahli-ahli persatuan itu telahpun mengemukakan kesulitan-kesulitan yang dihadapi mengenai bahan simen ini. Jika sedar, saya ingin hendak bertanya apakah keputusan yang dicapai selepas perjumpaan itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi Kementerian saya sedang mendapatkan laporan-laporan daripada Pegawai-pegawai Penguatkuasa dan Pegawai-pegawai Kementerian di Semenanjung Malaysia pada keseluruhannya dan apabila laporan ini diperolehi sepenuhnya dan masalah-masalah diketahui, ini akan dibangkitkan dengan syarikat-syarikat simen dan juga pengguna-pengguna simen apabila rundingan diadakan dengan mereka tidak berapa lama lagi.

DASAR EKONOMI BARU— MATLAMAT

11. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan hingga November, 1979 ini, berapakah orang jutawan Bumiputra telah diciptakan dan berapakah persen kemiskinan kaum Bumiputra telah diturunkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu masih belum faham tentang matlamat Dasar Ekonomi Baru. Soalan beliau adalah terang membayangkan anggapan seolah-olah Dasar Ekonomi Baru semata-mata dilaksanakan untuk kepentingan Bumiputra sahaja. Anggaran ini adalah kurang sihat dan bila disalahgunakan akan menimbulkan salah faham. Dalam Dewan ini telah beberapa kali diberi penjelasan bahawa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dengan tujuan khusus untuk membasmi kemiskinan

tanpa mengira kaum dan untuk menyusun semula masyarakat. Dasar ini telah dan akan terus dilaksanakan bagi mencapai matlamat-matlamat ini. Kerana itu saya tegaskan di sini, bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak bertujuan untuk mencipta golongan jutawan baik jutawan Bumiputra mahupun bukan Bumiputra. Dan oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang banciaan mengenai-

Untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dalam semua kaum, Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan dalam kedua-dua sektor, pertanian dan bukan pertanian. Di dalam sektor pertanian di mana kebanyakan peratus Bumiputra yang miskin berada, Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dari 63% dalam tahun 1975 kepada 54.6% dalam tahun 1978. Bagi sektor bukan pertanian pula kadarnya telah turun dari 26.2% kepada 22% bagi tempoh yang sama. Perangkaan ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan telah menurun dan adalah menjadi matlamat utama Kerajaan supaya kadar ini akan terus menurun keparas 17% purata menjelang tahun 1990.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 12 hingga 14 adalah diberi dibawah ini.*)

TV SABAH—RANCANGAN PANDUAN IBADAT DAN AZAN

4. Datuk Haji Sakaran bin Dandai bertanya kepada Menteri Penerangan adakah Kementerian beliau bercadang untuk meluaskan siaran TV - Rancangan Panduan Ibadat dan azan ke negeri Sabah. Memandangkan rancangan ini amatlah bermanfaat untuk umat Islam, dan jika ya, bila.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Rancangan Panduan Ibadat telah disiarkan melalui rangkaian ketiga sejak 1 Muharram Tahun 1400 bersamaan 21hb November 1979. Rancangan ini disiarkan 3 kali seminggu pada tiap-tiap hari Selasa,

Khamis dan Sabtu. Waktu siarannya ialah pada pukul 6.05 petang waktu Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan siaran azan di TV, selain daripada Kawasan Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan yang sewaktu dengannya, siaran ini tidak dapat dibuat untuk kawasan-kawasan lain kerana punca atau pusat siaran serta bilangan rangkaian TV sekarang adalah terhad dan dengan itu tidaklah dapat azan disiarkan bagi kawasan-kawasan lain termasuk Sabah selaras dengan masa masuknya waktu sembahyang di kawasan-kawasan tersebut.

TV MALAYSIA RANGKAIAN KETIGA

12. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang mengadakan rangkaian ketiga untuk TV Malaysia supaya rakyat mempunyai pilihan yang meluas mengenai rancangan-ancangan televisyen.

Dato Mohamed bin Rahmat: Sebenarnya rangkaian ke 3 bagi TV Malaysia sudahpun ada iaitu rangkaian yang dipancarkan untuk penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak. Tetapi jika Yang Berhormat maksudkan penambahan satu rangkaian TV bagi membolehkan rakyat mempunyai pemilihan yang luas untuk rancangan TV dukacita dimaklumkan bahawa perkara ini tidak dapat diadakan.

Dari segi ketiga-tiga rangkaian yang ada hari ini, dirasakan pilihan yang cukup telah disediakan untuk rakyat menuntun mana-mana rancangan yang mereka suka. Dengan adanya tambahan peruntukan bagi pembangunan RTM baik dari segi peningkatan peralatan yang ada, bayaran untuk artis-artis, bayaran penyewaan filem-filem dan peningkatan rancangan-rancangan tajaan pada masa-masa hadapan, saya yakin mutu persembahan RTM akan terus meningkat dan pilihan untuk rakyat akan dapat disempurnakan dengan tidak payah mengujudkan satu saluran TV yang baru.

SAWAH PADI DI DAERAH BALING— KEROSAKAN

13. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar tentang kerosakan sawah-sawah padi di daerah Baling akibat kekeringan punca-punca air dan salah perancangan dan

jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memulihkan sawah-sawah tersebut untuk kepentingan rakyat.

Menteri Pertanian (Dato Shariff Ahmad): Kementerian Pertanian memang sedar ada sawah-sawah padi di daerah Baling yang mendapat hasil tidak memuaskan. Ini bukanlah akibat salah perancangan, tetapi disebabkan kemarau teruk yang telah berlaku pada tahun 1977/78. Di daerah Baling, Kementerian Pertanian telah menjalankan lapan rancangan pengairan yang dapat membekalkan air kepada kira-kira 3,000 ekar sawah. Selain dari itu tiga rancangan pengairan sedang dalam pembinaan yang akan dapat membekalkan air kepada 530 ekar sawah. Di dalam kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, 6 rancangan lagi telah ditambah.

Selain dari itu, satu projek secara yang disatukan akan diadakan. Projek ini bertujuan untuk memperbaiki lagi sistem taliair di seluruh negeri Kedah dan Perlis termasuklah daerah Baling di luar dari kawasan MADA sekarang.

PELARIAN FILIPINO DI SABAH— KERAKYATAN

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada menjadi dasar Kerajaan untuk memberi kerakyatan kepada pelarian-pelarian Filipino di Sabah, jika ya, berapakah bilangan pelarian Filipino yang telah diberi kerakyatan, bilangan yang diberi taraf kediaman tetap dan bilangan permohonan kerakyatan dan kediaman tetap yang menunggu kelulusan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

Kepada Ahli Yang Berhormat sukacita saya menyatakan bahawa pemberian sijil kewarganegaraan atau kerakyatan kepada seseorang termasuk mereka dari Philippines yang diberi taraf orang pelarian tidaklah tertakluk kepada dasar tetapi adalah terikat kepada peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan. Tidak ada yang memohon atau diberi taraf kediaman tetap. Dengan tiadanya apa yang saya sebut itu soal kerakyatan tidak timbul sama sekali pada masa ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Kesembilan).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 28 (Jadual)—

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan ada hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah mula membuat ucapannya dan Majlis sedang menimbangankan Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B. 28 dan Maksud P. 28 di bawah Kementerian Pertahanan.

Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini ialah hari yang ke 9 Majlis menimbangankan dalam Jawatankuasa, termasuk, Kementerian Pertahanan yang sedang dalam timbangan, ini 8 Kementerian sahaja lagi baharu dapat ditimbangankan, maka ada 15 Kementerian lagi, padahal ada 8 hari sahaja lagi untuk menimbangankan anggaran bagi semua Kementerian. Oleh sebab itu, saya terpaksa menetapkan masa bagaimana diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat dan mulai hari esok mesyuarat terpaksa dilanjutkan sebelah malam. Hari ini saya akan minta; oleh sebab Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pelajaran ini adalah dua Kementerian yang banyak Anggaran Perbelanjaannya dalam peruntukan Belanjawan 1980 memang saya lebihkan sedikit beri masa bagi dua Kementerian ini selain daripada

Jabatan Perdana Menteri pada mula-mula dalam masa menimbangankan dahulu. Oleh sebab itu, saya akan minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab pada pukul 5.15 petang dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan seberapa ringkas tujukan kepada perkara-perkara mengenai anggaran ini aktivitinya, butiran atau kodnya.

Sila Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.38 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, menyambung ucapan saya pada hari Jumaat lalu, ingin saya menyentuh Butiran 2300 muka surat 226—Perhubungan. Pada pendapat saya, Kementerian Pertahanan ini perlulah mengadakan seminar-seminar dengan Kementerian Pertahanan di semua negara-negara anggota ASEAN supaya dapat Kerajaan sama-sama dalam usaha untuk mendapatkan buah-buah fikiran dan daya usaha yang baharu untuk tujuan mengawasi dan mengawal bersama negeri masing-masing daripada anasir-anasir komunis dalam negara ASEAN. Seterusnya pihak negara masing-masing akan dapat mempergiatkan menjaga keselamatan di sempadan darat ataupun di sempadan lautan ASEAN.

Tuan Pengerusi, wang yang diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus di bawah Kementerian Pertahanan ini saya fikir perlulah ditambahkan supaya hubungan rapat dapat dijalankan di antara negara ASEAN dengan berkesan.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, berkaitan menambahkan kos Butiran 1300, muka surat 225. Saya tertarik hati kerana wang peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini amat besar dan saya fikir pihak RELA juga di Semenanjung ataupun Sabah dan Sarawak perlu digalakkan. Seterusnya RELA ini perlu juga dilatih dengan senjata yang otomatik. Begitu juga kepada pihak Polis Hutan di negeri Sarawak (Border Scouts). Pada pendapat saya ini pun perlu digalakkan.

Tuan Pengerusi: Polis Hutan ini di bawah Aktiviti mana Yang Berhormat?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Minta maaf.

Tuan Pengerusi: Duduklah dahulu, bila saya bercakap, baharu boleh dengar. Polis Hutan di bawah Aktiviti mana?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Di bawah Tambahan Kakitangan.

Tuan Pengerusi: Polis Hutan bukan di bawah Kementerian Pertahanan, Sila teruskan.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Tuan Pengerusi, oleh kerana Polis Hutan tidak ada dalam Butiran ini tetapi kerana wang peruntukan di bawah Kementerian ini sangat besar.

Tuan Pengerusi: Tunggulah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bersabarlah.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Terima kasih. Tuan Pengerusi, selain dari itu ingin saya bercakap di bawah Butiran Gaji dan Upah. Saya fikir walaupun ini memang amat penting dan mengikut Kementerian ini kepandaian juga dengan disiplin kakitangan di bawah Kementerian ini akan tetapi saya berpendapat bahawa masih banyak lagi seperti Field Force di negeri Sarawak yang hampir bekerja sudah 10 tahun dan nasib mereka ada juga naik pangkat dan kadang-kadang masih lagi dalam prebet, saya fikir kenaikan pangkat anggota tentera kita di negeri ini perlu dikaji semula supaya memuaskan hati mereka yang bekerja hampir 10 tahun ataupun lebih kerana saya dapati Field Force di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan campurkan Anggota Keselamatan dengan. . .

Datuk Edwin Anak Tangkun: Ini kenaikan pangkat juga—Upah.

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu! Jangan campuradukkan Angkatan Bersenjata di dalam Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Bila nanti Majlis ini menimbangankan peruntukan atau Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bolehlah bangkitkan hal-hal berkenaan dengan Polis. Teruskan.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Tuan Pengerusi, oleh kerana ini di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri saya beralih kepada Butiran 4, muka surat 229 berkaitan dengan Pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia. Walaupun Kerajaan kita sekarang ada tentera

udara akan tetapi saya fikir Kerajaan Malaysia akan perlu juga menubuhkan satu pengkalan tentera di Sabah ataupun satu di Sarawak kerana negara kita ini diancam oleh anasir-anasir komunis dan juga mungkin Kerajaan dari luar negeri dan ini saya fikir perlu ditambahkan. Walaupun ini perkara yang amat sulit akan tetapi saya fikir Kementerian ini perlu ambil tindakan. Kerajaan kita tidak dapat menjamin benar atau tidak seperti negeri Vietnam akan melanggar negeri Thai dan sebaliknya nanti Vietnam akan dapat masuk ke Malaysia. Kita berdoa kepada Allah supaya anasir-anasir yang buruk ini tidak berlaku di negara kita. Oleh sebab keselamatan ini telah menjadi utama dalam negara kita maka peruntukan ini untuk membeli military equipment dan lain-lain di negeri ini perlulah ditambah lagi.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyetuh Butiran 4100, muka surat 228, Lain-lain Perbelanjaan. Masa dahulu saya masih ingat negeri Sarawak ada satu batalion yang kuat dan batalion ini selalu membantu askar di Semenanjung.

Tuan Pengerusi: Sabar, sabar. Butiran berapa?

Datuk Edwin Anak Tangkun: 4100.

Tuan Pengerusi: 4100 tidak boleh bincang apa-apa. Kementerian tidak minta duit apa-apa bagi tahun 1980. Pergi kepada perkara lain kalau ada.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Jadi inipun termasuk juga barangkali dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Bukan, ada dalam Kementerian Pertahanan tetapi dia tidak minta duit walaupun \$1 bagi tahun 1980, jadi tidak bolehlah bercakap. Kita boleh bahaskan peruntukan sekiranya ada anggaran perbelanjaan dikehendaki atau diminta oleh Kementerian itu bagi tahun 1980.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Oleh sebab tiap-tiap tahun Kerajaan kita akan menambatkan tentera dan polis di negeri ini maka saya berpendapat bahawa Kerajaan akan mengambil banyak lagi askar-askar dan polis-polis kita, khususnya di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi: Ini bukan di bawah Butiran 4100, itu Butiran lain. Butiran 4100 berhubung dengan bayaran pindahan.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Oeh kerana ini tidak termasuk, Tuan Pengerusi, saya dengan ini sekali lagi menyokong peruntukan di bawah Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

3.46 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh B. 28, Butiran 1100 mengenai Perkhidmatan tentera.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab ada dua orang Ahli yang belum bercakap yang bangun, lepas ini Ahli Yang Berhormat dari Keluang, lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab, tak payah tunggu pukul 5.15 petang. Sila.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Berhubung dengan Perkhidmatan Tentera saya ingin menyentuh tentang kecekapan dan juga keperluan-keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan ketenteraan yang efficient dan juga yang kuat kerana di dalam perkhidmatan ketenteraan ini sebagaimana yang disaraskan di dalam bidang ketenteraan bahawa quality yang baik bagi memperkuatkan ketenteraan itu ialah quality tentera-tentera itu sendiri, iaitu manusia yang menjadi tentera itu walaupun alat-alat yang dimiliki itu adalah penting tetapi quality manusia adalah lebih penting daripada alat-alat di dalam perkhidmatan ketenteraan ini.

Di dalam satu peperangan bukan sahaja melibatkan bidang ketenteraan ini sahaja tetapi melibatkan seluruh masyarakat itu dan kerana itu maka tentera-tentera mestilah tidak asing ataupun tidak mempunyai suatu quality kehidupan dan suatu nilai-nilai hidup yang terasing daripada masyarakatnya kerana jika sekiranya tidak ada penglibatan daripada masyarakat di dalam mempertahankan negara maka tentera itu sendiri tidak akan dapat memberikan suatu peranan yang berkesan untuk mempertahankan negara. Oleh yang demikian yang hendak saya sentuh sekarang ini ialah tentang keadaan di dalam Angkatan Tentera di mana kita lihat bahawa terdapat suasana yang berlainan dengan kehidupan masyarakat dan nilai-nilai yang terdapat di dalam masyarakat.

Tuan Pengerusi: Ini di bawah Aktiviti mana Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perkhidmatan Tentera.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya katakan tadi bahawa terdapat satu perbezaan di antara nilai-nilai yang terdapat dalam Angkatan Tentera dan amalan-amalan dalam Angkatan Tentera dari segi quality, kehidupan dan nilai-nilai yang dipakai di Angkatan Tentera itu sendiri.

Perkara yang saya hendak sentuh ini ialah mengenai kehidupan keagamaan ataupun nilai-nilai akhlak yang terdapat di dalam masyarakat tentera.

Saya pernah mengalami latihan ketenteraan di dalam perkhidmatan sukarela dan saya dapat mengkaji keadaan kehidupan ketenteraan di mana saya dapati bahawa nilai-nilai kerohanian dan nilai-nilai keagamaan adalah agak kurang dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Walaupun di dalam undang-undang ketenteraan itu didapati misalnya seorang yang mabuk itu dianggap bersalah kalau didapati bahawa ia dalam keadaan mabuk, tetapi di sini, kita dapati bahawa terdapat suatu kelumrahan orang-orang meminum minuman keras di dalam Angkatan Tentera dan tradisi ini diwarisi daripada zaman penjajahan bahkan minuman keras itu dijual dengan harga yang murah di dalam perkhidmatan ketenteraan. Kita dapati juga bahawa di dalam beberapa keadaan perkara-perkara yang seperti ini seolah-olahnya dijadikan suatu keistimewaan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya, di mana orang-orang yang terlibat di dalam perkara ini mungkin lebih hampir kepada pimpinan-pimpinan ketenteraan dan kelumrahan tradisi ketenteraan itu sendiri.

Saya juga difahamkan bahawa di sana terdapat suatu orientasi di dalam Angkatan Tentera di mana perkara-perkara maksiat itu seolah-olahnya digalakkan di dalam Angkatan Tentera. Sepertimana yang kita tahu bahawa nilai Angkatan Tentera itu bukan sahaja daripada latihan-latihannya sahaja dan bukan sahaja daripada alatnya tetapi ialah dari segi tujuan ianya berperang atau tujuan ianya berkhidmat di dalam angkatan tentera itu sendiri iaitu mestilah ia mempunyai suatu kekokohan dan keteguhan peribadi di dalam mempertahankan negara. Untuk mengatasi hal ini

maka perlulah perkhidmatan keagamaan di dalam angkatan tentera itu diperkuatkan dan diperteguhkan.

Pada masa sekarang Bahagian Keagamaan di dalam angkatan tentera itu hanyalah merupakan suatu tempelan dan untuk melepaskan batuk di tangga sahaja. Seluruh struktur daripada perkhidmatan keagamaan di dalam tentera itu mestilah dirombak dan peranan mereka tidaklah hanya menjadi iman-iman sahaja ataupun menjadi orang memandikan mayat sahaja, tetapi penglibatan mereka di dalam membina insan, di dalam membina manusia tentera itu haruslah diperluaskan dan angkatan tentera atau pimpinan di dalam angkatan tentera itu hendaklah melibatkan diri yang sepenuhnya dan melibatkan diri secara berkesan di dalam penghayatan keagamaan dan di dalam pembinaan peribadi yang tidak melakukan maksiat dan juga tidak melakukan penyelewengan dari segi keagamaan. Apabila kehidupan ketenteraan ini berasingan daripada masyarakat dan melakukan sesuatu penentangan terhadap nilai-nilai yang dipandang tinggi oleh masyarakat nescaya penglibatan masyarakat dan juga pertolongan atau bantuan masyarakat kepada peranan angkatan tentera akan merosot dan tidak akan memberi kesan yang sewajarnya.

Saya juga akan menyentuh tentang P. 28, Butiran 8—Pembelian Kelengkapan Tentera. Kita tahu bahawa keadaan keselamatan negara kita sekarang ini sedang menghadapi gambaran-gambaran atau sedang menghadapi bayangan ancaman yang tidak boleh diperkecilkan tentang mustahaknya kita melengkapkan tentera kita dengan kelengkapan-kelengkapan ketenteraan yang moden.

Di dalam soal jawab di dalam Dewan ini dalam persidangan ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan ada menyatakan bahawa kelengkapan ketenteraan kita adalah kelengkapan yang moden akan tetapi kemodenan di dalam alat-alat ini tidaklah sama dengan alat-alat moden yang terdapat dalam negara-negara besar kerana kata beliau kita menghadapi sebuah negara yang tidak sama dengan negara besar iaitu sebuah negara yang lebih kurang sama keadaannya dengan kita. Saya tidak bersetuju dengan pandangan daripada Menteri Pertahanan ini mengenai kemodenan serta alat-alat senjata yang dipakai oleh negara-negara yang kita sedang menghadapi ancaman daripadanya kerana negara-negara

tersebut sebenarnya menggunakan kelengkapan-kelengkapan yang moden yang disediakan oleh kuasa-kuasa besar dan kerana itu maka perlu negara kita ini mempunyai alat-alat kelengkapan yang setanding dengan yang dimiliki oleh negara-negara besar itu kerana kita tahu bahawa di dalam pertempuran dan di dalam peperangan yang berlaku di Kampuchea dan juga di Vietnam adalah merupakan Pertarungan kuasa-kuasa besar di mana kuasa-kuasa besar itu mencubakan kelengkapan-kelengkapan moden mereka di dalam peperangan dan pertarungan di Vietnam mahupun di Kampuchea. Kerana itu kita tidaklah boleh menjangkakan suatu keadaan yang menyebabkan kita melengahkan atau kita tidak mengambil suatu persediaan yang sempurna dan wajar di dalam menghadapi bahaya daripada utara ini. Kita perlulah membina suatu pasukan terutamanya kelengkapan-kelengkapan angkatan darat yang kuat dan mestilah memiliki kereta-kereta kebal yang sekarang ini kita tidak mengambil hirau tentang pentingnya kereta kebal di dalam melengkapkan angkatan darat kita. Kalau sekiranya negara jiran kita Singapura mempunyai alat-alat kelengkapan ini untuk mempertahankan negaranya maka kita tidaklah boleh memperkecilkan peranan ataupun kepentingan di dalam pertahanan kita dan dalam mengukuhkan kekuatan angkatan bersenjata kita terutama angkatan tentera darat ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan yang besar yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan dan saya harapkan bahawa pihak Kerajaan akan dapat mengawal dengan sebaik-baiknya peruntukan yang besar ini supaya jangan berlaku penyelewengan-penyelewengan seperti mana yang berlaku beberapa ketika dahulu di dalam membeli alat-alat kelengkapan senjata ini terutama di dalam pembelian kapal terbang-kapal terbang dan peruntukan yang besar ini mestilah digunakan sewajarnya dan saya harap peruntukan yang besar ini benar-benar dapat mewujudkan suatu pasukan ketenteraan yang kuat bahkan kita perlulah memikirkan tentang pentingnya suatu angkatan tentera dan angkatan pertahanan yang kuat bagi negara kita ini dan saya sudah dengan ucapan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kluang.

3.59 ptg.

Tuan Lee Kaw (Kluang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan Kementerian Pertahanan, Maksud P. 28, Butiran 1, 6, 8, 9 dan 11.

Tuan Pengerusi, satu tahun dahulu saya ada membangkitkan perkara rancangan perumahan di dalam tentera Malaysia termasuk Askar Wataniah. Satu peruntukan \$160 juta bukan satu peruntukan yang kecil, tetapi banyak tempat seperti microwave station di Kluang tahun dahulu saya bangkitkan perkara ini di mana Askar Wataniah menjaga microwave station itu adalah tinggal dalam khemah beberapa tahun, tempat itu tidak ada tandas dan bilik air dan lain-lain kemudahan.

Tuan Pengerusi, tahun dahulu saya sudah memberitahu kepada Kementerian tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan walaupun \$160 juta sudahpun diperuntukkan kepada projek itu. Saya harap Menteri berkenaan akan melawat lagi sekali stesyen itu walaupun saya tahu Setiausaha Parlimen sudah melawat tempat itu.

Tuan Pengerusi, mengenai Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal Bekas Tentera, Sungai Buluh \$2,700,000 telah diperuntukkan. Tuan Pengerusi, kita mesti sedar dalam Malaysia askar adalah bertambah, dahulu kita ada 2 Divisions, masa ini kita ada 3 Divisions. Banyak askar sudah ditambah, maka diharap pencen askar pun akan bertambah dan banyak askar yang pencen itu umurnya bukan terlalu tua tetapi tidak boleh dapat kerja dalam swasta oleh kerana tidak dapat latihan dari Pusat Latihan di Sungai Buluh.

Di sini saya meminta Kementerian Pertahanan menambah lebih banyak lagi Pusat Latihan bukan sahaja di Sungai Buluh tetapi di tiap-tiap Brigade Headquarters seperti Kluang ada satu garrison yang besar tetapi tidak ada Pusat Latihan di situ di mana di situ ada 4,000 lebih askar.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara Butiran 8, nampaknya tahun 1980 Kementerian akan membelanjakan \$629,782,000 untuk membeli kenderaan, meriam, senjata dan alat perhubungan. Saya dapat faham dari rakan-rakan saya, Tuan Pengerusi, mengenai meriam setakat hari ini kita baru ada 3 Rejimen Meriam di mana meriam-meriam itu adalah sangat

kecil atau light artillery dan tidak sesuai untuk digunakan dalam operasi di border area, walaupun saya tahu kita boleh pakai helikopter dan meriam, tetapi masa sudah sampai di mana kita ada peruntukan \$36 juta untuk membeli meriam baru. Di sini saya cadangkan Kementerian Pertahanan menimbangkan membeli meriam dalam peringkat medium dan heavy artillery 155 howitzer di mana setakat hari ini kita memakai 105.

Mengenai senjata, Tuan Pengerusi, nampaknya askar kita termasuk Askar Wataniah tidak memakai senjata yang standardised, askar kita menggunakan M. 16, ada askar menggunakan SK dan ada menggunakan Belgium SN yang sudah out-of-date, sepatutnya kita mesti mengstandardise senjata kita termasuk peluru walaupun kita ada kilang peluru.

Saya dapat faham peluru itu tidak boleh digunakan—cannot be used because it is damp or dud (deficient). Jikalau begini askar-askar kita tidak ada confidence, jika mereka masuk hutan.

Tuan Pengerusi, mengenai Stor Khas nampaknya tahun dahulu peruntukannya \$300 juta dan tahun ini tambah lagi \$300 juta. Tuan Pengerusi, saya tidak faham sebab apa dalam dua tahun kita menggunakan \$600 juta untuk Stor Khas. Tuan Pengerusi, tahun dahulu saya ada membangkitkan hal askar-askar kita istimewa Askar Wataniah di Kluang meminta wireless oleh kerana mereka yang menjaga di tempat itu tidak ada telefon. Jika tidak ada wireless dan tempat itu kena attack askar kita tidak boleh berhubung dengan Brigade Headquarters dan lain-lain. Oleh itu, saya harap Kementerian Pertahanan menimbangkan perkara ini lagi sekali.

Tuan Pengerusi, nampaknya tahun akan datang kita akan membelanjakan \$287 juta untuk membeli kapal terbang T.U.D.M. Kita belum luluskan peruntukan wang itu, kita sudah baca dalam suratkhbar mengatakan kita mahu beli F. 15. Tuan Pengerusi, dalam South-East Asia mana satu negeri menggunakan F. 15? Kita janganlah menggunakan wang rakyat untuk prestigious project; kita mesti gunakan wang itu untuk perkara yang sesuai.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 11—Purchase of R.M.N. ships.

Tuan Pengerusi, tahun akan datang kita meminta \$241 juta untuk membeli kapal. Angka pada tahun 1976 sehingga 1980 berjumlah \$571,770,000 untuk membeli kapal-kapal. Baru sahaja Spica-M sudah sampai di Malaysia, di dalam akhbar kata belanja bagi 4 buah Spica-M ini adalah berharga \$250 juta.

Tuan Pengerusi, dua tahun dahulu dalam Dewan ini mengikut Hansard, Kementerian Pertahanan kita 4 buah kapal Spica-M harganya \$157 juta sahaja. Saya tidak faham, apakah sebabnya tahun ini kita tambah lagi, adakah \$241 juta ini mencukupi?

Di mana saya katakan, Tuan Pengerusi, kita mesti menggunakan wang untuk pertahanan, untuk yang sesuai dan bukan untuk prestige project.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka membangkitkan satu perkara mengenai Bekalan B. 28, Butiran 1200 - Elaun. Tuan Pengerusi, mesti tahu dalam Malaysia kita ada banyak askar istimewanya di Kluang di mana saya kata ada 4,000 orang dan askar-askar ini suka, dengan izin, mixed with the public—bercampur dan banyak askar dan pegawai-pegawai ada masuk Jawatankuasa Sukan peringkat Negeri dan Pusat tetapi saya mendapat fahaman jikalau seorang pegawai berpangkat Major atau Kapitan ini jikalau menduduki dalam Jawatankuasa Sukan, mesyuaratnya di Kuala Lumpur, dia tidak boleh claim untuk mileage dan elaun-elaun.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu kesalahan dalam Kementerian Pertahanan. Kita mesti beri satu imej army kita ialah people's army - mixed with the public, mixed with the people dalam sukan, dalam sosial, bukan masa ini kita tengok askar, kita takut. Ini satu imej yang sudah salah. Kita mesti beri elaun kepada pegawai-pegawai yang boleh berkhidmat dalam sukan di mana satu peluang bercampur dengan rakyat Malaysia, memberikan satu imej Malaysian people's army.

Tuan Pengerusi, saya harap apa yang saya sentuhkan di sini, Kementerian Pertahanan boleh pertimbangkan perkara ini dan siasat apa yang saya sudah perkatalkan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tadi telah dibuat peraturan iaitu perbahasan ini akan ditutup apabila sahaja tamat ucapan Yang Berhormat dari Kluang, lepas itu Setiausaha Parlimen menjawab.

4.14 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian membahaskan perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan bagi tahun 1980.

Saya berpendapat ini adalah sebagai satu pertanda yang baik bahawa rakyat telah sedar di atas tanggungjawab mereka untuk sama-sama memikirkan di atas kepentingan pertahanan negara kita dan mereka sedar bahawa tanggungjawab untuk hendak menjaga keselamatan negara, mempertahankan negara bukanlah semata-mata menjadi tanggungjawab Kerajaan atau Kementerian Pertahanan ataupun Angkatan Tentera sahaja bahkan menjadi tanggungjawab seluruh rakyat yang cintakan negara, yang cintakan keamanan dan keselamatan.

Sebenarnya sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan, Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan telah menyedari di atas perlunya dipertingkatkan lagi pertahanan negara, pembesaran Angkatan Tentera, penambahan alat kelengkapan yang moden yang sophisticated, meninggikan khidmat anggota tentera kita, memang telah dirancang dari masa ke semasa. Maka dengan sebab itu, sebagaimana yang terdapat dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1980 bagi Kementerian Pertahanan, kita telah dapat menatap di atas rancangan-rancangan yang telah disusun oleh Kementerian saya. Pegawai-pegawai di Kementerian Pertahanan sama ada dari pihak awam dan pihak tentera dengan tidak mengenal penat lelah, mereka mencari jalan untuk hendak menuju ke arah meningkatkan pertahanan negara. Kita harap apa yang telah kita susun, apa yang telah kita rancang, akan dapat menepati sebagaimana hasrat rakyat yang telah dikemukakan oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tidaklah berhajat hendak mengulas satu persatu, tetapi saya cuma ingin hendak menyentuh sedikit sebanyak di atas beberapa perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk pengetahuan khususnya Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan beberapa perkara, termasuklah menyentuh persiapan untuk menghadapi pertukaran pertahanan negara bagi menghadapi pertukaran keadaan serantau khususnya dengan berlakunya krisis di Vietnam dan Kampuchea. Kerajaan memang sedar keadaan ini dan tadi telah saya perkatakan begitu juga pada waktu ucapan yang membentangkan ucapan belanjawan perengkat Jawatankuasa pada minggu lalu perkara ini telah disentuh dengan mendalamnya. Beliau menyentuh mengenai rombongan pertahanan negara kita melawat ke negeri Thai. Sebenarnya dengan hubungan yang rapat, masalah pertahanan antara negara kita dengan negara-negara jiran bukan sahaja dengan negeri Thai bahkan Indonesia dan lain-lain negara, lawatan-lawatan seumpama ini memang sentiasa dibuat. Pegawai-pegawai bahkan kadangkadangkang Menteri kita melawat ke negeri-negeri jiran untuk bersama-sama membincangkan masalah pertahanan bersama terutama pertahanan dari segi masalah sempadan bersama sama ada dengan negeri Thai ataupun Indonesia. Demikian juga pegawai-pegawai sama ada pegawai-pegawai awam, tentera bahkan Menteri-menteri dari negara-negara yang tersebut juga datang melawat ke negara kita.

Misalnya baru-baru ini Timbalan Menteri Pertahanan Thai yang juga menjadi Ketua Turus Tentera Laut melawat ke negara kita dan kita juga menghantar pegawai-pegawai tentera kita melawat ke negeri Thai menengok keadaan di samping berbincang masalah sempadan bersama. Jadi masalah yang ditimbulkan mereka melawat ke sempadan Kampuchea/Thai dan melawat khemah-khemah, ini kerana ada hubungan terutamanya hendak meninjau masalah-masalah pelarian di khemah-khemah yang terdapat di negeri Siam, kerana kita juga sebagaimana kita maklum kita menghadapi masalah orang-orang pelarian yang mungkin ada hubungannya untuk kepentingan negara kita dalam menghadapi keadaan ini.

Lagi satu nampaknya pada kali ini pihak DAP tidak lagi membuang peluang untuk hendak menyebut dan melaung-laung mengenai dengan Kerahan Tenaga Rakyat ataupun

National Service. Ini saya rasa sebagaimana yang telah diterangkan pada masa-masa yang lalu dalam ucapan pembentangan ucapan belanjawan ini telahpun saya terangkan dengan sejelas-jelasnya kenapa kita tidak dapat menjalankan Kerahan Tenaga Rakyat dalam negara kita ini. Kemudian beliau menyebutkan masalah bahawa rakyat Vietnam dapat mengalahkan tentera-tentera Amerika yang cukup kuat.

Jadi saya perlu katakan di sini tidaklah semata-mata sokongan rakyat kepada Kerajaan, kerana hendak memperkuatkan pertahanan negara semata-mata dengan National Service sahaja ataupun dengan memegang senjata. Banyak lagi perkara-perkara yang rakyat boleh menolong terutama dari segi kemahiran-kemahiran yang ada pada mereka dan yang pentingnya kita perlu meninjau kembali sejarah perjuangan negara kita dalam menghadapi musuh-musuh negara.

Sejak tahun 1948 hingga sekarang kita tidak ada menghadapi musuh dari Vietnam atau dari Russia atau dari Amerika, bahkan kita menghadapi musuh dalam negara yang mereka ini setengah-setengahnya rakyat negara ini yang telah mendapat nikmat negara, tetapi mereka menentang kita yang menyebabkan beratus-ratus ribu askar kita terkorban, ada yang cacat cedera dan berbagai masalah lagi. Saya rasa kalau kita dapat seru mereka ini supaya balik ke pangkal jalan, balik ke pangkuan negara, saya rasa kita dapat menyelamatkan wang negara dan dapat kita menumpukan sepenuh-penuhnya untuk menghadapi musuh-musuh negara dari luar khususnya saya menyeru kalau dapat parti DAP menyeru, kerana parti DAP ini saya sebutkan kerana mereka selalu menimbulkan masalah-masalah perkauman yang boleh menimbulkan perasaan rakyat menentang Kerajaan. Kalau ini dapat kita buat ertinya kita menyeru mereka yang telah terpesong terutama yang masih lagi berada di sempadan antara negara kita dengan negara Siam, kalau dapat kembali ke pangkuan negara, saya rasa ini lebih baik lagi terutamanya sebagaimana saya katakan tadi dapat kita membelanjakan wang yang kita gunakan berjuta-juta ringgit untuk menentang mereka bagi kegunaan-kegunaan lain sama ada hendak memperkuatkan pertahanan negara kita daripada musuh-musuh luar ataupun untuk pembangunan negara seluruhnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan mengenai dengan perumahan kepada anggota-tentera dan ini juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang tadi. Sebenarnya peruntukan \$160 juta bagi tahun 1980 dalam bidang perumahan ini ialah untuk perumahan kepada anggota-anggota tentera yang sedang berkhidmat untuk menggantikan rumah-rumah yang lama dan mengadakan yang baru yang mana ini tidaklah dapat dijual kepada mereka apabila mereka bersara atau meninggalkan perkhidmatan. Tetapi masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu mengenai dengan perumahan yang boleh dibeli oleh anggota-anggota tentera supaya waktu mereka meninggalkan perkhidmatan, mereka telah mempunyai rumah. Sebenarnya sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum dan saya juga menyedari bukanlah semua setinggalan-setinggalan itu terdiri daripada ahli tentera, kerana tentera juga manusia biasa. Kalau mereka melihat rakan-rakan mereka daripada orang awam boleh barangkali membuat rumah di tanah haram mereka pun tidak melepaskan peluang, tetapi tidaklah semua.

Sebagaimana kita maklum Kerajaan telahpun menyediakan satu sistem pinjaman perumahan sebagaimana pegawai-pegawai awam juga tetapi ini tentulah ada peraturan-peraturan yang tertentu kerana perkhidmatan dalam Angkatan Tentera tidaklah sama dengan perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, perkara ini telahpun diperhati dan telahpun dilaksanakan di Kementerian Pertahanan mulai daripada tahun 1978 yang lalu. Begitu juga selain daripada itu Koperasi Angkatan Tentera juga mengadakan rancangan perumahan yang juga memberikan peluang kepada anggota-anggota tentera untuk membelinya.

Sebagaimana kita maklum Angkatan Tentera juga melalui skim-skim yang ada sekarang tiap-tiap anggota tentera yang meninggalkan perkhidmatan ada masa yang tertentu, mereka mendapat ganjaran dan juga ada wang tabung simpanan Angkatan Tentera, demikian juga mana-mana mereka yang dapat peluang bersara, dengan ada persaraan dan sebagainya yang mana kalau wang ini mereka kumpulkan adalah menolong mereka untuk membeli rumah-rumah selepas daripada mereka bersara.

Mengenai dengan Pusat Latihan Bekas Tentera di Sungai Buloh yang juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya

suka menerangkan di sini bahawa Pusat Latihan ini adalah ditujukan kepada mereka yang akan meninggalkan jawatan mereka, bukanlah kepada tentera-tentera yang sedang berkhidmat, kerana bagi tentera yang sedang berkhidmat kita mempunyai Pusat-pusat Latihan dalam bidang-bidang yang tertentu di seluruh negara. Jadi Pusat Latihan Bekas Perajurit di Sungai Buloh ini adalah satu rancangan yang telahpun disusun dan sedang dalam pembinaan yang tujuannya untuk hendak memberi latihan yang intensif yang lebih teratur lagi sama ada dari segi vokal dan teknikal kepada anggota-anggota tentera yang akan meninggalkan perkhidmatan dengan tujuan bila mereka bersara nanti, mereka akan dapat menggunakan latihan-latihan ini dalam penghidupan awam mereka terutamanya untuk hendak mendapatkan sijil-sijil yang diiktiraf dan diterima sama ada oleh Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun pihak swasta.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berani berkata di sini bahawa apa yang dijalankan oleh Kerajaan kita khususnya Kementerian Pertahanan bagi menolong bekas-bekas perajurit di seluruh negara boleh dikatakan yang terbaik sekali. Jadi ini satu daripada usaha Kerajaan selain daripada beberapa usaha untuk hendak menolong bekas-bekas perajurit di negara kita ini. Jadi Pusat Latihan bagi bekas tentera di Sungai Buloh ini menelan belanja lebih kurang \$8.1 juta di mana \$5.4 juta adalah untuk belanja bangunan dan \$2.7 juta sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang tadi ialah untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi Pusat Latihan sebagaimana yang dikatakan tadi, bukanlah \$2.7 juta itu bagi latihan-latihan yang lain daripada saya sebutkan tadi; khusus untuk ini sahaja. Pembinaan bangunan ini dijangka siap dalam bulan Ogos tahun 1980 di mana kita harap pada bulan Januari 1981 Pusat ini akan mula menjalankan tugas di mana sekiranya telah dimulakan tiap-tiap tahun kita boleh menerima dua kali pengambilan untuk latihan ini seramai 600 orang. Itu khusus untuk perajurit kita yang akan meninggalkan perkhidmatan masuk ke Perkhidmatan Awam.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, memanglah saya sedar bahawa masa berihat ataupun masa tentera-tentera kita sangatlah terhad untuk mereka bersama-sama dengan anak isteri mereka. Walaupun demikian kita telah menetapkan iaitu tiap-tiap seorang

tentera akan dapat bersama-sama dengan anak isteri mereka selama 3 bulan setahun. Akan tetapi dengan penambahan pembesaran Angkatan Tentera kita pada masa akan datang, kita harap keadaan ini akan dapat diperbaiki. Jadi saya tidaklah bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu dengan sebab 3 bulan itu ada berlaku kejadian-kejadian kerosakan moral. Ini saya rasa bukanlah mencerminkan pula sebahagian besar daripada keluarga tentera. Ini mungkin kerana masalah individu.

Kita tidak dapat hendak menyingkirkan perkara ini, kerana kalau hendak buat jahat itu bukan ditinggalkan suami tiga empat bulan, kita masukkan dalam peti besi enam tujuh lapis pun kalau hendak buat jahat, buat jahat juga. Ada juga setengah isteri-isteri, saya minta maaf, yang full-time dengan suaminya ada juga buat jahat, suami keluar pintu depan dia keluar pintu belakang. Ini tidak boleh kita hendak katakan. Demikian juga Askar tiga bulan, mungkin kerana kehendak tubuh, ini pun saya katakan bukan hendak nanti tiga bulan, mereka yang full-time dengan suaminya banyak membuat kerja macam ini. Ini terpolang kepada masing-masing. Jadi kalau kita hendak katakan kepada anggota tentera sahaja tidaklah kena, bukanlah saya hendak membela pula, mungkin ada satu dua orang yang saya katakan tadi, itu sebagai manusia biasa. Sebagai isteri tentera mereka pun manusia biasa. Walaupun demikian suka saya menerangkan Kementerian saya menerusi Jabatan Ugama sentiasa mencari jalan, sentiasa memberi nasihat-nasihat dari segi keugamaan untuk membaiki akhlak, bukan sahaja anggota tentera kita tetapi anak-anak, isteri-isteri mereka.

Bagi isteri-isteri anggota tentera ada Persatuan Bekas-kekas Isteri; di tiap-tiap unit, tiap-tiap pasukan ada PERISAT atau Persatuan Isteri-isteri Tentera ini menjalankan berbagai-bagai kegiatan termasuklah dari segi ugama dengan tujuan untuk membimbing isteri-isteri dan anak-anak tentera ini ke jalan yang diredai oleh Allah s.w.t. Begitu juga bagi pihak anggota tentera sendiri menerusi ugama juga kita telah menjalankan rancangan-rancangan ini.

Terlanjur saya sebutkan perkara ini, saya ingin hendak menyatakan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Baling tadi, saya tidak tahu siapa yang memahamkan beliau. Sebenarnya pada minggu ini sejak 23hb November hingga sekarang Kementerian Per-

tahanan sedang menjalankan seminar pegawai-pegawai ugama dengan tujuan hendak meningkatkan lagi di mana semua pegawai-pegawai kita memeras otak mereka daripada pagi sampai petang, sampai malam dan besok pagi lagi untuk mencari jalan bagaimana hendak meninggikan pentadbiran ugama termasuklah hendak membaiki akhlak dan sebagainya.

Saya tidak tahu di mana beliau nampak yang dikatakan minuman keras itu menjadi satu syarat menaikkan pangkat, itu barangkali di zaman penjajah dahulu, sekarang tiada lagi. Walaupun saya sebagai Setiausaha Parlimen, tetapi saya tidak duduk di Pejabat saya, saya sentiasa bersama-sama mereka, pernah saya tidur di perbatasan untuk melihat keadaan mereka. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tiada, kecuali mungkin bagi ahli-ahli tentera yang bukan Islam. Saya diberitahu di waktu penjajah dahulu, waktu menyambut Hari Jadi Angkatan Tentera diadakan majlis-majlis termasuklah minuman sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling tadi. Sekarang sudah tiada, kita sambut dengan bersembahyang Maghrib, dengan bacaan Yasin, sembahyang hajat dan lepas itu kenduri doa selamat dan sebagainya dan ini telah menjadi amalan kita. Tetapi kalau ada satu dua orang daripada anggota tentera yang melakukan ini, ini sebagai manusia biasa, saya tidak terdayalah hendak memerhatikan keadaan ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan. Seperti saya katakan tadi bahawa ini adalah berdasarkan kepada pengalaman saya semasa membuat latihan di Ipoh sebagai anggota daripada Tentera Wataniah. Ini saya dapati sendiri dan bukanlah hanya mendapat maklumat second hand atau daripada mana-mana. Ini saya dapati sendiri bahawa memang mess-mess itu penuh dengan penjualan arak dengan murah dan memang di dalam pergaulan itu arak memainkan peranan penting untuk pergaulan dan mendekati, begitu juga di Kolej Tentera, setengah-setengah penuntut itu memang dipaksa oleh pegawai-pegawai untuk mencuba minuman keras ini. Itu penjelasan saya.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Pengerusi, saya percaya itu pada masa yang lalu tetapi pada masa ini perkara ini telah tidak ada lagi, kecuali saya katakan tadi kepada setengah-setengah anggota tentera yang bukan Islam dan penjualan minuman

keras ini pun telah ada peraturan-peraturan yang tertentu yang telah kita jalankan kepada anggota tentera kita.

Satu lagi pertanyaan Ahli Berhormat dari Balik Pulau iaitu mengenai dengan tentera yang terlibat dalam kemalangan. Ini sebagai mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya beberapa hari yang lalu kita mempunyai skim-skim yang tertentu, sama ada skim ganjaran, bantuan dan sebagainya kepada anggota tentera kita yang mendapat kecederaan dan sebagainya.

Mengenai pembelian lebih banyak kapal-terbang-kapalterbang, saya percaya Yang Berhormat sedia maklum mengikut dalam Buku Belanjawan kita peruntukan sebanyak \$287 juta telahpun diperuntukkan bagi tahun 1980 dengan tujuan untuk membeli kapal-terbang-kapalterbang yang lebih moden lagi dengan tujuan untuk pertahanan negara.

Mengenai kapal-kapal TLDM begitu juga untuk mengawal pantai terutamanya dari orang pelarian. Seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat walaupun kawalan dijalankan dengan ketat, ada juga pelarian yang lepas. Sebenarnya kita telahpun mengadakan kawalan bukan sahaja dari segi kapal-kapal tentera laut tetapi juga kapal-terbang kita dan Polis Merin juga ada kawalan yang begitu rapi tetapi tentulah oleh kerana mereka yang masuk ini orang yang mencuri-curi, sewaktu kapal kita meronda mereka tidak masuk. Walau bagaimanapun, sejak kawalan dijalankan dengan ketat, kita dapati kedatangan pelarian-pelarian atau pendarang-pendatang haram adalah jauh berkurangan dan dalam hal ini memanglah Kementerian Pertahanan telah menyusun rancangan-rancangan bagi membeli kapal-kapal yang lebih banyak lagi sebagaimana dalam peruntukan ini iaitu wang sebanyak \$241 juta adalah diperuntukkan bagi membeli kapal-kapal tentera laut mengikut peruntukan dalam tahun 1980. Ini juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang tadi.

Sebenarnya wang peruntukan \$241 juta ini bukanlah tambahan-tambahan kerana bayaran wang empat buah kapal Spica-M. Ini ialah kapal yang lain selain daripada empat buah kapal peronda laju Spica-M yang telahpun sampai ke negara kita dan telahpun kita gunakan untuk menjaga perairan kita. Wang sebanyak \$241 juta ini adalah peruntukan untuk membeli kapal-kapal yang lain dengan tujuan seperti saya katakan tadi.

Mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar untuk pertambahan tentera darat dan tentera laut, ini adalah menjadi hasrat kita dan seperti saya katakan tadi rancangan pembesaran memang sedang dalam proses termasuk pertambahan anggota-anggota tentera darat dan tentera laut kita.

Mengenai dengan kerjasama dengan negara-negara sahabat, ini adalah kita jalankan oleh kerana kita tidak ada perjanjian-perjanjian pertahanan dengan sebarang negara melainkan secara dua hala terutamanya bagi kepentingan-kepentingan sempadan bersama antara negeri kita dengan negeri Siam dan juga di antara kita dengan Indonesia, ini dijalankan untuk kepentingan bersama bagi menjaga terutama dari segi perairan ataupun sempadan di daratan.

Mengenai dengan penubuhan Pengkalan Tentera Udara di Sabah dan Sarawak, kita telahpun pada hari ini mempunyai dua Pengkalan Tentera Udara, satu di Labuan dan satu di Kuching dan pada pendapat kita hingga keadaan sekarang bahawa ke dua-dua Pengkalan Tentera Udara kita itu adalah memadai untuk pertahanan negara kita terutama bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Baling menyebutkan mengenai dengan khidmat tentera yang cekap (efficient) memang kita menyedari seperti saya katakan tadi bukanlah semata-mata bergantung kepada kelengkapan atau dengan jasmani tetapi dengan rohani dan seperti saya katakan tadi kita sedang menjalankan syor-syor ini terutama menyusun semula struktur pentadbiran ugama dalam angkatan tentera kita supaya dengan melalui pendidikan ugama, keimanan yang tebal, keislaman yang mendalam kita akan mendapatkan anggota tentera yang benar-benar sanggup berkorban untuk negara dan bangsa kita.

Berkenaan dengan minuman keras, saya percaya ini untuk beberapa masa yang lalu, tetapi pada masa ini kita telahpun menjalankan tindakan-tindakan untuk hendak memperbaiki ini iaitu menjauhkan daripada segala perkara-perkara yang diharamkan di kalangan anggota tentera kita. Dan dari pengalaman yang saya lihat sendiri adalah kemajuan yang baik kearah ini telahpun ujud dikalangan anggota tentera kita.

Mengenai dengan pembelian kelengkapan untuk Angkatan Tentera kita, ini memanglah di dalam rancangan kita dan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling tadi berkenaan dengan kereta kebal, pembelian sama ada kelengkapan-kelengkapan perang, senjata dan juga kenderaan dan sebagainya adalah disesuaikan dengan keadaan di negara kita ini. Jadi kalau kita membeli alat-alat kelengkapan yang moden, mahal harganya, kalau kurang sesuai dengan keadaan khususnya keadaan peperangan yang kita hadapi di dalam negara kita ini, tentulah tidak menepati sebagaimana yang kita kehendaki. Walau bagaimanapun dalam pembesaran yang sedang kita rancangkan ini, ini meliputi kesemua aspek, kesemua perkara-perkara yang kita harapkan dapat meningkatkan pertahanan negara kita dalam menghadapi apa jua ancaman sama ada ancaman dari dalam ataupun dari luar.

Mengenai dengan apa yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang berhubung dengan Stesyen Microwave di Kluang, ini memang saya sedar dan Yang Berhormat ini telah membawa perkara ini di dalam Belanjawan tahun yang lalu dan saya sendiri telah melawat ke Stesyen Microwave di Kluang yang mana ianya di bawah tanggungjawab. Jabatan Telekom. Saya sukalah memaklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan ini, tugas-tugas menjaga tempat-tempat sasaran-sasaran yang penting ataupun checkpoint selain daripada di kawasan-kawasan perbatasan, kita juga menempatkan anggota tentera kita sama ada di tempat-tempat sasaran penting seperti ibu sawat LLN, ibu sawat Telefon, Stesyen Microwave, bekalan air dan sebagainya. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, dalam hal ini kita telah menetapkan bahawa Kementerian Pertahanan khususnya Angkatan Tentera hanya menyiapkan anggota tentera dengan kelengkapan yang sesuai, tetapi masalah hendak menyediakan tempat sama ada bekalan air, bekalan letrik, kalau perlu talipon, termasuklah tempat khemah dan sebagainya adalah disediakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Misalnya pihak Stesyen Microwave di Kluang tadi kelengkapan kemudahan-kemudahan asas itu hendaklah disediakan oleh Jabatan Telekom. Saya sendiri sebenarnya selepas lawatan itu telah menulis surat kepada Pengarah Telekom Negeri Johor untuk menengokkan perkara ini, tetapi saya belum lagi menerima jawapan mengenai perkara ini.

Selain daripada itu kem-kem seumpama ini adalah sebagai kem sementara bukanlah sebagai operational camp yang mana tidaklah kita hendak membina dengan sempurna, kerana kem ini saya katakan sementara, mungkin bila sampai masanya kita tidak memerlukan lagi dan kita akan meninggalkan kem ini. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian saya akan menengokkan perkara ini, khususnya untuk tujuan ini. Sebenarnya bukanlah semua tempat-tempat sasaran penting ini yang keadaannya seperti yang terdapat di Stesyen Microwave di Kluang itu, sebab saya tahu banyak tempat-tempat di sasaran penting ini yang mana jabatan-jabatan ataupun pihak yang berkenaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang selayaknya bagi anggota tentera kita yang menjalankan tugas-tugas di sasaran yang penting itu.

Mengenai dengan pembelian senjata dan alat-alat seperti meriam dan sebagainya, sebenarnya saya rasa tentu Yang Berhormat juga maklum bahawa kita kemukakan Belanjawan ini adalah dengan tujuan bahawa kita hendak hendak memperbaiki mutu dalam Angkatan Tentera bukan sahaja untuk penambahan ahli tetapi juga dalam keseluruhannya. Kita harap rancangan ini sebagaimana yang saya katakan tadi akan dapat dijayakan.

Mengenai dengan percampuran di antara anggota tentera dengan orang awam, ini sebenarnya kita menggalakkan percampuran yang selayaknya tetapi, walau bagaimanapun, tentulah kita menyedari kehidupan sebagai seorang tentera tentulah mereka berlainan sedikit dengan kehidupan awam oleh kerana tugas-tugas mereka sebagai seorang tentera yang memerlukan mereka berada dalam keadaan-keadaan sebagaimana seorang tentera. Ini kita tidak dapat nafikan.

Dan tentang penyertaan setengah-setengah pegawai tentera dalam badan-badan kebajikan, ini pada pandangan saya sekiranya tidak menyentuh dalam tugas mereka terutama di dalam bidang sukan, ini saya rasa tidak ada apa-apa halangan. Tetapi masalah hendak memberikan mereka wang imbohan, tambang dan sebagainya dalam masa mereka menghadiri mesyuarat-mesyuarat sukan, saya rasa ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Pertahanan. Tadi Yang Berhormat pun sudah menyatakan supaya Kementerian ini bercermat membelanjakan wang. Jadi setiap wang yang dibelanjakan itu kita adakan dengan

term-term yang tertentu yang diluluskan oleh pihak Perbendaharaan mengikut peraturan-peraturan tertentu dan bukanlah dengan sesuka hati kita untuk membelanjakannya. Sedangkan dalam kegiatan sukan anggota tentera pun wang itu diambil mungkin dengan wang yang dikeluarkan daripada kutipan anggota tentera sendiri bukan dengan wang-wang peruntukan yang diperuntukkan. Jadi memanglah menjadi hasrat kita supaya percampuran di kalangan anggota tentera tidak meninggalkan peluang untuk bersama-sama terutama dari segi sukan sama ada dalam pertandingan bola sepak Piala Malaysia, hoki dan sebagainya maka pasukan sukan dari Angkatan Tentera kita memanglah mengambil bahagian. Ini adalah penyertaan kita. Tetapi saya hendak kata bercampur secara orang awam dengan orang awam, tentulah ini tidak dapat hendak dijalankan oleh sebab kita juga berkehendakkan tentera kita mempunyai disiplin yang tinggi. Mereka mempunyai peraturan-peraturan dan disiplin yang tertentu yang mungkin tidak dapat mereka bercampur dengan seluas-luasnya dengan orang awam.

Begitu juga sepertimana yang kita maklum pasukan tentera menjalankan "Gerakan Jiwa Murni" dan sebagainya yang mana ini adalah bertujuan untuk merapatkan perhubungan diantara pasukan tentera dengan orang awam termasuklah kerja-kerja gotong royong dan sebagainya yang dijalankan di seluruh negara bagi tujuan ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja ucapan saya bagi menggulung perbincangan Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan dan bagi pandangan-pandangan yang saya tidak sebutkan di sini, insya Allah bagi pihak Kementerian Pertahanan, sekiranya pandangan-pandangan itu sesuai dan baik adalah dipertimbangkan untuk kebaikan kita bersama khususnya untuk hendak meningkatkan lagi bidang pertahanan negara kita sebagaimana yang diharapkan oleh seluruh rakyat dan seluruh Ahli Yang Berhormat, khususnya dalam masa kita membincang ataupun membahaskan anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1980 yang baru dikemukakan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,446,300,000 untuk Maksud B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak

\$1,516,500,000 untuk Maksud P. 28 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Maksud B. 29 (Jadual)—

Maksud P. 29 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini meluluskan keperluan belanjawan Kementerian Pelajaran untuk tahun 1980 berjumlah sebanyak \$2,574,677,220 iaitu terdiri dari \$2,053,015,000 bagi belanja mengurus dan \$521,662,220 bagi belanja pembangunan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1979 ialah \$1,941,593,400 bagi keperluan belanja mengurus dan \$425,194,090 bagi keperluan belanja pembangunan. Untuk tahun 1980, Kementerian Pelajaran memerlukan peruntukan yang lebih besar dari peruntukan 1979 ini, iaitu tambahan sebanyak 5.73% kepada peruntukan belanja mengurus dan tambahan sebanyak 22.68% kepada peruntukan belanja pembangunan. Ini bermakna tambahan sebanyak \$111,421,600 kepada peruntukan belanja mengurus dan \$96,468,130 kepada peruntukan belanja pembangunan.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, matlamat sistem pelajaran kita ialah bukan sahaja untuk keperluan pendidikan dan latihan tetapi adalah juga untuk menyatupadukan rakyat yang terdiri dari berbilang keturunan. Sistem pelajaran ini juga akan membolehkan rakyat menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berdisiplin untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik serta mengujudkan satu masyarakat yang taat setia dan bersatupadu.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pelajaran mempunyai lapan bidang program seperti berikut:-

- (1) Pelajaran Rendah dan Menengah.
- (2) Pelajaran Teknik dan Vokasional.
- (3) Pentadbiran Am.

- (4) Kebajikan Penuntut-penuntut.
- (5) Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran.
- (6) Pelajaran Tinggi.
- (7) Latihan Guru.
- (8) Pengendalian Peperiksaan.

Bagi tujuan permohonan ini, Tuan Pengerusi, saya akan mengemukakan sebab-sebab tambahan peruntukan diperlukan untuk tahun 1980 bagi tiap-tiap program.

1. Program Pelajaran Rendah dan Menengah

Tuan Pengerusi, di bawah program Pelajaran Rendah dan Menengah Kementerian memerlukan tambahan peruntukan daripada \$740,418,150 kepada \$796,401,300 untuk menampung pertambahan bilangan murid di sekolah-sekolah Rendah dalam tahun 1980 yang akan meningkat kepada 2,067,900 orang. Dalam tahun 1980 bilangan murid di Sekolah-sekolah Menengah akan bertambah kepada 1,168,260 orang dan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$623,386,200.

Berhubung dengan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini dengan mendapatkan seramai 200 orang Guru Bahasa Inggeris daripada United Kingdom. Mereka akan diambil secara berperingkat-peringkat seramai lebih kurang 50 hingga 75 orang pada tiap-tiap tahun selama tiga tahun dan akan mengajar di sekolah-sekolah yang telah ditentukan.

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha usaha untuk memperbaiki mutu pelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah, peruntukan sebanyak \$9,096,700 di bawah belanja mengurus adalah diperlukan untuk mengadakan Perkhidmatan Sebaran Pendidikan iaitu melalui Perkhidmatan Televisyen Pendidikan, Radio Pendidikan dan Alat Pandang Dengar.

Program Pelajaran Rendah dan Menengah juga memerlukan peruntukan sebanyak \$290,320,900 bagi tujuan pembangunan untuk tahun 1980. Peruntukan ini adalah untuk mendirikan sekolah-sekolah baru, memperbaiki sekolah-sekolah yang ada serta mengadakan kelas-kelas tambahan dan kelas-kelas gantian di mana yang perlu diganti. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan lain seperti bilik perpustakaan, bilik televisyen, kantin dan lain-lain keperluan sekolah akan juga diadakan.

Selain dari sekolah-sekolah, Kementerian juga akan membina rumah-rumah guru di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di rancangan-rancangan FELDA. Sebanyak 1,117 buah rumah guru akan dibina dan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$7,027,200.

Bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan studio di Bahagian Sebaran Pendidikan peruntukan sebanyak \$4,372,100 adalah diperlukan.

2. Program Pelajaran Teknik dan Vokasional

Dengan perkembangan industri-industri yang begitu pesat di negara ini, tenaga-tenaga kerja mahir sangat-sangatlah diperlukan. Pelajar-pelajar juga sekarang adalah lebih banyak yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus di sekolah-sekolah vokasional dan teknik. Untuk menampung keperluan tambahan ini, Kementerian akan mendirikan lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokasional dan teknik.

Kementerian sekarang mempunyai 38 buah sekolah teknik dan vokasional dan satu lagi sekolah vokasional akan dibuka dalam tahun 1980. Bilangan pelajar akan bertambah dari 19,580 orang pada tahun 1979 ini kepada 21,000 dalam tahun 1980 nanti. Peruntukan belanja mengurus yang diperlukan untuk tahun 1980 ialah \$32,190,400.

Kementerian Pelajaran sedang membina 17 buah sekolah vokasional dan pembinaannya akan berterusan ke tahun 1980. Untuk tujuan ini peruntukan pembangunan sebanyak \$20,875,900 adalah diperlukan. Kementerian akan juga membina 24 buah lagi sekolah menengah vokasional. Untuk tiga buah sekolah vokasional di Sarawak adalah memerlukan peruntukan sebanyak \$2,868,100 dan empat buah sekolah vokasional di Sabah memerlukan peruntukan sebanyak \$5,510,000.

Di peringkat Separa Iktisas pula Kementerian cuma mempunyai 2 buah Politeknik, iaitu satu di Ipoh dan satu lagi di Kuantan. Kerja-kerja tambahan masih diteruskan bagi kedua-dua Politeknik ini, terutamanya di Kuantan di mana pembinaan Kampus Induknya masih belum selesai. Untuk tujuan ini peruntukan sebanyak \$8,880,000 adalah diperlukan. Kementerian sekarang merancang untuk membina 5 buah Politeknik lagi. Adalah diharapkan pembinaannya akan dapat dimulakan pada awal Rancangan Malaysia Keempat.

3. Program Pentadbiran Am

Tuan Pengerusi, Program Pentadbiran Am adalah program sokongan dan ianya meliputi beberapa bahagian di Kementerian dan juga semua Jabatan-jabatan Pelajaran di Negeri-negeri. Bahagian-bahagian di Kementerian adalah bahagian-bahagian yang bersabit dengan Pentadbiran Personnel, Pentadbiran Kewangan, Pentadbiran Bangunan dan Bekalan, Kerjasama Badan-badan Antarabangsa, Pendaftaran Guru dan Sekolah, Perkhidmatan Komputer serta bantuan kepada Badan-badan Pelajaran.

Sebagai yang telah diketahui oleh Dewan yang mulia ini Kementerian sudahpun menjalankan urusan menggredkan semula sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Hasil daripada menggredkan semula ini melibatkan pengwujudkan beberapa jawatan yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang. Maka Kementerian Pelajaran telah menjalankan "exercise" bagi menempatkan guru-guru yang sesuai ke jawatan-jawatan baru yang lebih tinggi itu. Perlaksanaan gred-gred sekolah yang baru ini dan juga pengwujudkan jawatan-jawatan baru yang lebih tinggi itu akan dimulakan dari 1hb Januari, 1980.

Tuan Pengerusi, bagi keperluan peruntukannya, Program Pentadbiran Am ini memerlukan sebanyak \$72,232,200 untuk tahun 1980. Peruntukan sebanyak \$3,839,800 adalah juga diperlukan bagi tujuan memberi bantuan kepada Sekolah-sekolah Ugama Rakyat, berbanding dengan peruntukan sebanyak \$2,640,400 bagi tahun 1979 ini. Ini adalah disebabkan kadar bantuan Kerajaan kepada sekolah-sekolah ini telah dinaikkan lebih kurang 50%.

Beberapa projek pembangunan di bawah program ini akan diusahakan. Projek-projek ini ialah membina satu blok tambahan untuk Jabatan Pelajaran Perak, sebuah Jabatan Pelajaran baru di Melaka, ubahsuai bangunan sekolah untuk Jabatan Pelajaran di Pulau Pinang dan Pahang dan membina beberapa buah Pejabat Pelajaran Daerah di Sarawak; membina bangunan percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka dan kompleks sukan Kementerian Pelajaran. Bagi keperluan semua projek ini peruntukan sebanyak \$5,744,210 adalah dipohon.

4. Program Kebajikan Penuntut-penuntut

Tuan Pengerusi, satu daripada usaha penting Kementerian Pelajaran ialah memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang kurang mampu untuk meneruskan pelajaran mereka. Usaha-usaha ini ialah dengan mengadakan sekolah-sekolah berasrama untuk menempatkan kanak-kanak dari luar bandar belajar di sekolah-sekolah menengah yang berada di kawasan luar bandar, mengadakan biasiswa-biasiswa untuk penuntut-penuntut di sekolah-sekolah menengah dan seterusnya ke universiti-universiti.

Kementerian juga sedang menjalankan rancangan-rancangan bantuan bagi membolehkan murid-murid di sekolah-sekolah rendah meneruskan pelajaran mereka dengan mengadakan Skim Pinjaman Buku-buku Teks yang akan meningkat ke tahun keenamnya pada tahun 1980. Kementerian juga memberi bantuan makanan kepada sekolah-sekolah di daerah-daerah luar bandar, iaitu daerah-daerah di mana kebanyakan pelajarinya didapati datang dari keluarga-keluarga yang kurang mampu. Rancangan bantuan makanan dikelolakan dalam 53 buah daerah dalam tahun 1979 ini dan pada tahun hadapan sekolah-sekolah di lapan buah daerah lagi di Semenanjung Malaysia akan dimasukkan ke dalam skim bantuan ini. Di Sabah dan Sarawak pula bantuan makanan ini diberi kepada 5 Residensi di Sabah dan 7 Bahagian di Sarawak dan pada keseluruhannya bilangan murid yang terlibat adalah seramai 750,000 orang.

Keperluan yang dipohon untuk tujuan program ini ialah \$23,198,000 bagi asrama; \$62.5 juta bagi biasiswa; \$17 juta bagi pinjaman buku-buku teks; dan \$20 juta bagi bantuan makan.

Satu usaha baru Kementerian yang akan dilaksanakan mulai tahun 1980 akan datang ialah skim pinjaman kepada pelajar-pelajar persendirian di United Kingdom. Skim ini ditaja bagi menampung keperluan pelajar-pelajar yang mendapati mereka kekurangan peruntukan disebabkan kenaikan yuran sekolah yang begitu tinggi di negara itu. Peruntukan yang diperlukan bagi tujuan ini ialah \$300,000.

Untuk mengajar kepentingan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, Kementerian telah menubuhkan Jabatan-jabatan Penuntut di negara-negara yang mempunyai pelajar-pelajar Malaysia yang ramai, iaitu United

Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Indonesia dan India. Mulai tahun 1980 Kementerian akan menubuhkan sebuah lagi Jabatan Penuntut Malaysia di Kanada dan Pejabat Kuasa Usaha Pelajaran di Mesir akan dinaikkan tarafnya kepada Jabatan Penuntut Malaysia. Untuk keperluan Jabatan-jabatan Penuntut ini peruntukan yang diperlukan ialah \$9,337,100.

Bagi keperluan pembangunan pula, peruntukan sebanyak \$14,004,500 adalah diperlukan bagi menguruskan pembinaan asrama-asrama sedang dibina sekarang. Peruntukan sebanyak \$165,000 adalah juga diperlukan bagi menguruskan projek-projek mengubahsuai Dewan Malaysia di London dan pembinaan Asrama Putri di Kahirah.

5. Program Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran

Tuan Pengerusi, Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran adalah program yang menentukan haluan dasar pelajaran negara dan taraf yang mesti dicapai. Tiga Bahagian terpenting bersabit dengan perkara ini ialah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jemaah Nazir Sekolah-sekolah.

Ketiga-tiga Bahagian ini adalah bertanggungjawab untuk menentukan sistem pelajaran yang baik dan taraf mutu pelajaran yang tinggi. Penyelidikan-penyelidikan sama ada untuk jangka panjang ataupun jangka pendek adalah dijalankan sepanjang masa untuk menyesuaikan sistem pelajaran dengan perkembangan-perkembangan baru. Untuk mempertingkatkan dan memperbaiki rancangan-rancangan pelajaran di sekolah-sekolah rendah, Kementerian Pelajaran akan membuat penganalisaan lanjut ke atas kajian kemahiran asas serta menyediakan strategi-strategi pengajaran dan bahan-bahan pengajaran yang sesuai bagi murid-murid yang memerlukan pengimbuhan. Di peringkat menengah pula penekanan akan diberi untuk meninggi dan meluaskan lagi pencapaian semua matapelajaran yang penting terutama Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris serta Hisab dan Sains.

Jemaah Nazir Sekolah-sekolah menjalankan pengawasan ke semua sekolah-sekolah bagi menentukan yang objektif Kementerian untuk memberi didikan yang sesuai mendapat hasil yang memuaskan. Nazir-nazir yang telah dilantik bagi tujuan peperiksaan sekolah-seko-

lah, penyeliaan guru dan pengajaran di bilik-bilik darjah adalah mereka yang luas pengalaman serta mempunyai kecekapan masing-masing dalam bidang-bidang yang tertentu.

Untuk keperluan ini Kementerian memerlukan peruntukan sebanyak \$12,480,100 bagi tahun 1980.

6. Program Pelajaran Tinggi

Tuan Pengerusi, sebagai yang termaklum keperluan untuk mendapatkan tempat di institusi-institusi Pelajaran Tinggi adalah bertambah tiap-tiap tahun. Ini adalah hasil dari pengeluaran sekolah-sekolah rendah dan menengah yang juga bertambah tiap-tiap tahun mengikut perkembangan penduduk. Oleh itu telah menjadi dasar Kementerian ini supaya mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi Pelajaran Tinggi ini juga dibentuk bagi keperluan rakyat dan negara dan dengan itu adalah tujuan Kementerian supaya :-

- (i) Kursus di peringkat Diploma dan Ijazah dapat diselaraskan mengikut kepentingan negara;
- (ii) Kepentingan diberi ke arah perkembangan aliran Sains, Kejuruteraan, Perubatan, Pertanian, Perdagangan dan Perusahaan dan Kemahiran Vokasional; dan
- (iii) Membantu supaya membanyakkan penuntut-penuntut bumiputra di bidang Sains dan Teknologi.

Bagi keperluan ini, Tuan Pengerusi, Kementerian memerlukan untuk tahun 1980 peruntukan seperti berikut :-

Universiti Malaya	\$56,820,100
Universiti Teknologi Malaysia	18,694,700
Hospital Universiti	31,266,600
Universiti Kebangsaan Malaysia	39,200,200
Universiti Sains Malaysia ...	33,942,800
Universiti Pertanian Malaysia	34,084,200
Institut Teknologi MARA ...	42,559,200
Kolej Tunku Abdul Rahman	4,400,000
Jumlah :	\$260,967,800

Dewan ini telah maklum bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk membentuk sebuah lagi Fakulti Perubatan untuk menampung keperluan pengeluaran doktor-doktor yang

masih berkurangan di negara ini. Bagi tujuan ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan telah menentukan bahawa Fakulti Perubatan yang baru ini menjadi sebahagian dari Universiti Sains Malaysia tetapi Fakulti itu sendiri akan ditempatkan di Kubang Kerian, Kelantan. Untuk keperluan penubuhan Fakulti Perubatan yang baru ini Kementerian memerlukan untuk tahun 1980 peruntukan sebanyak \$4,588,100 bagi membolehkan kerja-kerja perancangan berhubung dengan penubuhan ini diselenggarakan.

Bagi keperluan pembangunan sebanyak \$156,181,900 adalah dipohonkan untuk tahun 1980. Keperluan ini adalah dibahagikan seperti berikut :-

Universiti Malaya	\$5,474,000
Universiti Teknologi Malaysia	46,552,000
Universiti Kebangsaan Malaysia	42,814,000
Universiti Sains Malaysia ...	1,296,500
Universiti Pertanian Malaysia	30,728,000
Institut Teknologi MARA ...	26,868,800
Kolej Tunku Abdul Rahman	2,448,600
Jumlah :	\$156,181,900

Untuk makluman Dewan ini, Tuan Pengerusi, peruntukan pembangunan yang diperlukan bagi pembinaan Fakulti Perubatan yang baru di Kubang Kerian adalah berjumlah sebanyak \$26,680,936 sebagai keperluan permulaan yang terdiri dari \$661,000 bagi tahun 1979, \$21,855,186 bagi tahun 1980 dan \$4,164,750 bagi tahun 1981. Peruntukan-peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1979 dan 1980 akan ditampung dari peruntukan Kementerian Pelajaran yang ada.

7. Program Latihan Guru

Guru-guru sekolah dilatih melalui dua cara, iaitu melalui universiti dan melalui maktab-maktab perguruan. Guru-guru yang dilatih melalui universiti-universiti adalah untuk sekolah-sekolah menengah atas, iaitu tingkatan empat ke atas. Guru-guru lainnya dilatih melalui 19 buah Maktab Perguruan di Semenanjung Malaysia dan enam buah Maktab Perguruan di Sabah dan Sarawak. Bilangan guru yang dilatih di maktab-maktab akan meningkat dari 14,400 orang dalam tahun 1979 kepada 14,940 orang dalam tahun 1980 nanti.

Peruntukan yang diperlukan bagi program ini, Tuan Pengerusi, ialah \$82,226,100 untuk belanja mengurus dan \$34,369,800 untuk belanja pembangunan. Peruntukan pembangunan ialah bagi meneruskan pembinaan maktab-maktab baru di Kuala Trengganu, Kuantan dan Ipoh dan juga pembinaan Institut Latihan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran di Genting Highlands.

8. Program Pengendalian Peperiksaan

Tuan Pengerusi, perestasi dari sistem pelajaran negara ini dapat diukur dari keputusan-keputusan peperiksaan awam yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan.

Dalam ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tahun lepas, Tuan Pengerusi, beliau telah menyatakan yang peperiksaan MCE/SPM akan dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan keseluruhannya mulai tahun 1979 ini. Peperiksaan ini telah dikelolakan oleh Universiti Cambridge sejak dari Pemerintahan British dahulu dan pihak Universiti Cambridge telah diminta untuk meneruskan pengelolaan peperiksaan ini sehingga Kementerian Pelajaran berupaya menguruskannya sendiri. Kementerian Pelajaran telah mendapati bahawa masanya telah tiba bagi pengelolaan peperiksaan ini diuruskan oleh Kementerian Pelajaran sendiri dan mulai dari peperiksaan 1979 ini pengelolaan peperiksaan bagi MCE dan SPM akan keseluruhannya dibuat oleh Lembaga Peperiksaan.

Usaha-usaha untuk mengelolakan peperiksaan ini adalah berjalan dengan baiknyanya dan saya yakin akan kebolehan kita mengelolakan peperiksaan ini dengan jayanya. Keperluan untuk perbelanjaan tahun 1980, Tuan Pengerusi, ialah \$9,058,000.

Sebagai yang Dewan ini telah maklum pada awal sesi belanjawan ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengemukakan satu Akta baru yang dikenal dengan Akta Majlis Peperiksaan dan telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu badan baru Kementerian ini dan oleh kerana badan ini masih belum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini semasa mengemukakan keperluan belanjawan untuk tahun 1980, maka peruntukan bagi menguruskan Majlis yang baru ini belum dipohon lagi. Untuk makluman Dewan, Tuan Pengerusi, keperluan peruntukannya mungkin terpaksa dikemukakan sebagai keperluan tambahan dalam persidangan yang akan datang.

Tuan Pengerusi, keperluan peruntukan yang terperinci bagi Kementerian Pelajaran ada disenaraikan dalam Buku Anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 24 Tahun 1979. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya keperluan peruntukan Kementerian Pelajaran bagi tahun 1980 sebanyak \$2,574,677,220 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekali, Kepala B. 29 berjumlah \$2,053,015,000 dan Kepala P. 29 sebanyak \$251,622,000 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang terbuka untuk dibahas. Saya jemput dahulu Ahli Yang Berhormat dari Julau.

5.20 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, saya berucap di bawah Kementerian Pelajaran Maksud P. 29 di bawah Butiran-Butiran 31, 32, 34 dan 35, muka surat 253, Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah di Sarawak.

Tuan Pengerusi, anggaran sebanyak \$15,415,200 ini nampaknya tidak mencukupi keperluan untuk membina bangunan-bangunan baru bagi sekolah-sekolah di Sarawak. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pembangunan sekolah di negeri Sarawak terutamanya di daerah luar bandar kebanyakannya sudah usang dan buruk yang mana harus dirobuhkan dan diganti dengan bangunan-bangunan yang baru. Bangunan-bangunan sekolah berkenaan sudah hampir roboh dan sangat membahaya kepada keselamatan murid-murid sekolah yang mana kebanyakannya dalam kawasan pilihanraya saya.

Perlu saya tegaskan bahawa keadaan sekolah-sekolah tersebut tersangatlah usang sehinggakan atapnya ada yang terbang dan jatuh ke tanah. Di samping itu bocor di sana sini dan dimasuki air hujan menyebabkan lantainya reput. Memandangkan kepada keadaan sebegitu rupa sudah sampailah masanya bangunan-bangunan sekolah itu dirobuhkan dan digantikan dengan bangunan-bangunan sekolah yang baru demi kepentingan anak-anak bumiputra juga. Oleh kerana Jabatan Pelajaran telah mengalami berbagai masalah untuk membangunkan bangunan-bangunan baru bagi sekolah-sekolah tersebut, kemungkinan ini disebabkan di bawah Jabatan Pelajaran tidak mempunyai kerjasama yang erat dengan pihak-pihak yang tertentu yang terlibat dalam rancangan pembangunan iaitu

apabila Jabatan Pelajaran hendak membangunkan bangunan-bangunan baru untuk sekolah-sekolah tersebut yang terlibat dalam perkara ini ialah Jabatan Pelajaran sendiri termasuk juga Jabatan Tanah dan Ukur dan Jabatan Kerjaraya. Apabila Jabatan Pelajaran mendapat anggaran yang tertentu untuk membangunkan sekolah-sekolah yang baru, Jabatan Pelajaran harus berunding dengan Jabatan Tanah dan Ukur supaya menyukat kawasan untuk bangunan-bangunan tersebut dan meminta Jabatan Tanah dan Ukur mengeluarkan geran tanah ataupun surat memberi kebenaran kepada Jabatan Pelajaran selepas itu barulah Jabatan Pelajaran membawa perkara tersebut kepada Jabatan Kerjaraya untuk ditenderkan.

Tuan Pengerusi, procedure tersebut memakan masa sehingga satu dua tahun sebelum kerja pembinaan sekolah tersebut dijalankan. Oleh yang demikian, anggaran yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk projek pembangunan sekolah-sekolah yang baru di negeri Sarawak tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerjasama yang lebih erat lagi di antara Jabatan Pelajaran dengan Jabatan Tanah dan Ukur dan Jabatan Kerjaraya supaya rancangan pembinaan bangunan-bangunan sekolah yang baru di negeri Sarawak akan dapat dilaksanakan dengan lebih memuaskan.

Tuan Pengerusi, di sini saya mengesyorkan apabila Jabatan Kerajaan mengambil tender bagi membina pembangunan-pembangunan sekolah tersebut, plan pembangunan-pembangunan berkenaan hendaklah dilengkapkan dengan rumah kediaman para guru, asrama, kantin, saluran air, tangki air dan juga jetty. Adalah difikirkan jetty ini juga sangat perlu bagi sekolah-sekolah yang didirikan berhampiran dengan sungai sebagaimana yang terdapat kebanyakan sekolah-sekolah di negeri Sarawak bagi menyenangkan murid-murid mengambil air, mandi dan sebagainya. Bekalan air yang mencukupi adalah juga diperlukan bagi satu-satu bangunan sekolah itu nanti.

Tuan Pengerusi, Butiran 32, muka surat 253, Sekolah-sekolah menengah. Kawasan pilihanraya saya di Julau terdapat hanya sebuah sahaja Sekolah Menengah Kerajaan di Julau bagi menampung semua murid-murid dari 31 buah sekolah-sekolah rendah di daerah ini. Perlu dinyatakan di sini bahawa sekolah menengah berkenaan mempunyai

lebih kurang 1,000 murid yang datang daripada 31 buah sekolah Rendah dalam daerah ini dan termasuk juga murid-murid yang datang dari daerah lain. Oleh yang demikian, sekolah tersebut tidak mempunyai bilik-bilik darjah yang cukup. Di samping itu, asrama, dapur, bilik dan tandas juga tidak cukup. Untuk makluman, pada satu ketika dahulu sekolah tersebut pernah diperbesarkan, namun, begitu sekolah berkenaan masih tidak juga mempunyai bilik-bilik darjah yang cukup. Begitu juga dengan asrama, bilik-bilik air, bilik makan juga tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana berbagai-bagai masalah tersebut, maka murid-murid terpaksa belajar di sekolah berkenaan separuh di sebelah pagi dan separuh di sebelah petang. Saya difahamkan bahawa ada sebuah lagi sekolah Menengah Kerajaan yang baru akan dibina di Pakan dalam kawasan pilihanraya Julau. Saya berserta dengan semua penduduk-penduduk kawasan pilihanraya saya dengan sebulat suara menyokong cadangan tersebut dan kami berharap agar Kerajaan dengan secepat mungkin dapat membina Sekolah Menengah Rendah untuk menampung keperluan dalam daerah berkenaan.

Tuan Pengerusi, Butiran 34 dan 35 mengenai Rancangan Latihan Guru dan Perkhidmatan Sebenar Pendidikan.

Tuan Pengerusi, anggaran yang berjumlah \$1,961,800 itu tidak mencukupi. Saya berpendapat bahawa Jabatan Pelajaran harus membelanjakan anggaran yang lebih besar lagi daripada anggaran itu untuk Rancangan Latihan Guru. Menurut pengalaman saya kebanyakan sekolah-sekolah dalam kawasan pilihanraya saya tidak mempunyai Guru Besar yang terlatih lebih-lebih lagi guru-guru penolongnya tidak terlatih dan tiap-tiap tahun Jabatan Pelajaran menghantar guru-guru yang tidak terlatih dan kurang berpengalaman di daerah luar bandar untuk mengajar anak-anak bumiputra.

Di sini saya ingin bertanya mengapakah pihak Jabatan Pelajaran tidak mengambil daya usaha untuk menghantar guru-guru yang bertauliah supaya dapat mengajar jenerasi muda di kawasan berkenaan?

Tuan Pengerusi, adalah disyorkan apabila Jabatan Pelajaran mengambil calon-calon baru untuk memasuki guru-guru pelatih, Jabatan Pelajaran haruslah menitikberatkan kepada kelulusan dan kelayakan akademik calon-calon sewaktu ditemuduga. Di samping

itu seseorang calon itu mestilah mempunyai sepenuh minat dalam bidang perguruan supaya mereka ini dapat menyumbangkan tenaga mengajar di daerah pedalaman. Bakal-bakal guru ini pula hendaklah bersedia mengajar sekurang-kurangnya 5 tahun.

Tuan Pengerusi, sekiranya dari sekarang kita tidak dapat mengatasi keadaan yang sedia ada, saya percaya keadaan yang lebih buruk lagi akan dialami dalam jenerasi muda yang akan datang dalam bidang pelajaran. Jabatan Pelajaran hendaklah sedar bahawa guru-guru sementara yang kini sedang mengajar di sekolah-sekolah di daerah pedalaman semata-mata inginkan gaji sahaja tetapi tidak dapat mendidik anak-anak dengan cara yang betul seperti mengikut kehendak Jabatan Pelajaran.

Tuan Pengerusi, Jabatan Pelajaran juga harus meneliti berapa banyak guru-guru yang bertauliah yang telah meninggalkan jawatan mereka untuk mencebor diri di dalam lapangan pekerjaan yang lain supaya Jabatan Pelajaran dapat mencari guru-guru yang bertauliah untuk memenuhi tempat-tempat mereka berkenaan.

Tuan Pengerusi, suka saya sentuh juga di sini bahawa jawatan Penolong Guru Besar di negeri Sarawak sekarang ini belum lagi begitu teratur. Untuk mengelakkan rasa tidak puas hati dari para golongan Penolong-penolong Guru Besar yang mempunyai kelayakan tetapi tidak dilantik di bawah Skim Gaji Kabinet, haruslah dilantik menjadi Penolong Guru Besar sekarang. Perkara ini tidak boleh dilengah-lengahkan oleh Jabatan Pelajaran supaya mereka ini dapat memberi sumbangan dan berkhidmat dengan lebih cemerlang untuk kepentingan negara.

Harus juga diambil perhatian bahawa dalam bidang kenaikan pangkat bagi mengatasi kekosongan jawatan Penolong Guru Besar ini mendapat sokongan daripada (a) pihak Pegawai Pelajaran Daerah, (b) Pihak Pegawai Pelajaran Bahagian, dan seterusnya mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari Pengarah Pelajaran.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh anggaran yang dipohon oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk tahun 1980.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

5.35 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Program (1) Pelajaran Rendah dan Menengah, dan (c) - Pelajaran Rendah. Tidak ramainya murid-murid masuk ke sekolah rendah. Saya harap bukan kerana perancangan keluarga tetapi kerana sekolah buruk dan terlalu uzur.

Pada masa ini didapati terlalu banyak sekolah-sekolah rendah yang berdekatan menyebabkan satu-satu kelas itu hanya diisi oleh beberapa orang murid sahaja, dan mereka memilih sekolah yang baik dan molek. Mana-mana sekolah yang buruk tidak diminati oleh murid-murid. Dari itu saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran agar sebuah sekolah dicentralisedkan dan dilengkapi bagi menempatkan semua murid-murid yang berada dalam Darjah V di situ. Ada murid yang bersekolah di sekolah tak sudah, apatah lagi di musim hujan ini tentulah tempias dan masuk hujan seperti Sekolah Kebangsaan Bagan di Parit Latiff, Sri Menanti, Muar.

Saya juga berharap semua sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang tidak ada pagar, padang permainan dan alat-alat permainan dan sukan hendaklah diperlengkapkan segera. Sehingga bangku-bangku sekolah pun banyak yang sudah terlalu uzur dan tidak sesuai lagi digunakan. Bagi Sekolah Kebangsaan sudah hampir 2 tahun permohonan mendapatkan bangku dibuat dan Kementerian telah mengarahkan Pegawai Pembangunan di Pejabat Pelajaran Negeri tetapi sehinggakan hari ini bangku-bangku yang dipohon itu belum lagi sampai.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 1100, Program (4)—Kebajikan Penuntut-penuntut dan (6)—Penuntut-penuntut Seberang Laut.

Kita selalu dengar bahawa penuntut-penuntut kita di luar negeri kadang-kadang agresif, tunjuk perasaan ketika Menteri-menteri berkunjung atau menentang Dasar Ekonomi Baru. Ini ialah kerana biasanya penuntut-penuntut kita yang berselerak di seluruh ceruk rantau di luar negeri itu terputus hubungan dan tiada dapat mengikuti segala perkembangan-perkembangan yang berlaku di tanahair. Dari itu saya ingin mencadangkan supaya Attache Penerangan kita yang berada di luar negeri hendaklah sentiasa berusaha menyebarkan penerangan-penerangan yang betul dan jelas tentang segala

perkembangan-perkembangan yang pesat yang sedang berlaku di tanahair, masalah masalah yang dihadapi oleh negara, segala rancangan-rancangan dan tindakan Kerajaan untuk menghadapi dan mengatasi masalah-masalah itu.

Tuan Pengerusi, walaupun sara hidup begitu tinggi dan mahal di England tetapi penuntut-penuntut Malaysia dengan sebab adanya kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan di Malaysia Hall, iaitu menyediakan subsidi yang banyak kepada penuntut-penuntut kita untuk mendapatkan makanan yang murah dan sesuai dengan selera mereka, tetapi Kementerian juga haruslah sedar bahawa ada penuntut-penuntut daripada luar negeri yang lain mengambil kesempatan di situ, di antaranya ialah penuntut-penuntut dari Hongkong, Taiwan dan Singapura, adalah berpusu-pusu datang membeli makanan yang murah yang disediakan oleh Kerajaan kita, maka saya harap perkara ini hendaklah dibetulkan.

Tuan Pengerusi, menyentuh P. 29, Butiran 14—Pengangkutan dan Perjalanan.

Saya ingin mencadangkan supaya semua sekolah yang mempunyai asrama hendaklah disediakan bas. Apabila ada penuntut-penuntut yang sakit, tidaklah terpaksa guruguru di sekolah itu menghantar ke hospital dengan kereta mereka sendiri. Di antara sekolah yang patut diberikan bas yang saya maksudkan ialah Sekolah Menengah Teknik di Johor Bharu.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat.

5.40 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B. 29, Program (1)—Pelajaran Rendah dan Menengah; Program (3)—Pentadbiran Am; Program (4) (a)—Basiswa dan Dermasiswa dan Butiran 1—Pelajaran Rendah, mukasurat 251.

Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan yang paling besar sekali. Ini sudah sewajarnya kerana Kementerian Pelajaran ini memainkan peranan yang penting untuk mendidik rakyat melalui sistem Pelajaran Kebangsaan supaya

membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi satu kehendak negara sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru di samping mewujudkan satu masyarakat yang taat setia, berdisiplin dan bersatu padu.

Tuan Pengerusi, kita sering mendengar bahawa ramai murid-murid sekolah rendah tidak boleh membaca. Ini saya rasa boleh diatasi dengan syarat bahawa pelajaran di peringkat rendah ini janganlah terlalu banyak dibebankan kepada murid-murid. Saya rasa kalau Jawatankuasa Kabinet mengetahui Dasar Pelajaran Kebangsaan dapat mengulang-kaji balik akan sistem pelajaran di sekolah-sekolah rendah, pada pendapat saya, ada lebih berfaedah dan memberi keuntungan yang besar kepada anak-anak kita di peringkat sekolah rendah kerana kita tahu bahawa anak-anak kecil kita tidaklah boleh dibebankan terlalu banyak dengan buku-buku pelajaran yang tinggi. Saya rasa memadailah dengan buku-buku cara yang ringan adalah sesuai dengan keadaan alam kanak-kanak kita sendiri.

Kita boleh menoleh ke belakang semasa pemerintahan British dahulu bahawa jarang sangat yang kita dapati anak-anak di bangku sekolah tidak tahu membaca dan menulis. Walaupun buku-buku bacaan pada masa itu sedikit sangat bahan-bahannya, tetapi mengapakah sistem yang begitu lebih praktikal dapat diterima dengan mudah oleh kanak-kanak di sekolah. Salah satu daripadanya saya rasa ialah oleh kerana tidak ada automatic promotion maka dengan kerana itu setiap murid-murid mempelajari dengan bersungguh-sungguh kerana kalau dia tidak belajar bersungguh-sungguh dia tidak akan dapat naik darjah. Secara psikologi ia memberi kesan yang amat cepat sekali tetapi sistem itu telah diubah dengan mengadakan sistem naik darjah tanpa mengira sama ada murid-murid itu lulus atau gagal, lemah atau cerdik ia tetap naik darjah.

Tuan Pengerusi, kalau semua murid-murid mempunyai I.Q. kebolehan seseorang yang tinggi atau average, beginilah halnya, tetapi kita mesti memikirkan bahawa murid-murid yang rendah I.Q. nya adalah ramai. Maka dari itu tumpuan mestilah diberi kepada mereka kecuali satu dua orang yang lemah itu adalah soal lain tetapi yang mesti kita fikirkan ialah majority yang perlu diberi bimbingan pelajaran asas.

Saya juga berpendapat bahawa bagi murid-murid yang lemah di dalam soal membaca terutama bagi murid-murid yang tidak berpeluang masuk ke taman Didikan Kanak-kanak (Kindergarten) maka buku "Mari Membaca" yang dikeluarkan oleh Raihan adalah sangat berguna kepada murid-murid yang baru masuk sekolah kerana ini boleh memberi dorongan atau membantu mereka dalam soal pembacaan sekurang-kurangnya. Saya dapati kaedah buku "Mari Membaca" itu patutlah disebarkan dengan seluas-luasnya di sekolah-sekolah rendah agar murid-murid Darjah I dapat diberi bimbingan asas serta membimbing mereka ke arah matlamat pembacaan yang betul lagi teratur, manakala buku-buku bacaan tambahan bolehlah disimpan di library sekolah untuk memberi munafaat kepada murid-murid yang gemar membaca sebagai pengetahuan am.

Sekarang ini, Tuan Pengerusi, kita mengadakan sekolah-sekolah pusat di luar bandar yang tujuan besarnya ialah untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil dijadikan kepada satu sekolah yang lebih besar. Ini adalah satu langkah yang baik. Ia dapat mengemaskan sistem pentadbiran sekolah di samping kemudahan mengawal murid-murid dan guru-guru. Dengan hal yang demikian pentadbiran di sekolah-sekolah pusat itu hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya kerana ini adalah perkara yang saya rasa harus diberi keutamaan. Kita hendaklah lebih menumpukan perhatian kepada sekolah-sekolah pusat khususnya di luar bandar.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa kadar murid-murid dengan guru perlulah dikaji semula kerana kalau sekiranya murid-murid di dalam satu kelas itu lebih daripada 40 orang, saya rasa tidak ada siapa pun yang dapat menjaga atau mengawal kanak-kanak itu. Sekiranya ini berterusan maka perhatian yang sepenuhnya tidaklah dapat ditumpukan oleh guru-guru. Ini mustahak kerana adalah mustahil bagi seorang guru dapat menjaga 40 orang murid-murid di dalam satu kelas. Pengurangan ini kalau dapat dilakukan secara berperingkat saya rasa ianya akan mengurangkan kadar murid-murid yang tidak boleh membaca dan tidak boleh menulis.

Tuan Pengerusi, bilangan murid-murid sekolah rendah pada tahun 1979 ialah sebanyak 2,020,253 dan tahun 1980 ialah

2,075,270; tambahan sebanyak 55,017 manakala bilangan guru pada tahun 1979 ialah sebanyak 56,243 dan tahun 1980 ialah sebanyak 59,111; tambahan sebanyak 2,868. Kalau dibuat penelitian secara mendalam maka kita akan dapati bahawa kadar murid-murid dengan guru-guru secara kasar ialah 36:1 ini berdasarkan kepada kiraan bilangan ramai murid-murid pada tahun 1979. Tetapi ini hanya secara perhitungan sahaja. Apa yang sebenarnya ialah kadar murid-murid/guru ialah 40 orang murid bagi seorang guru. Mungkin kelebihan perkiraan ini disebabkan adanya guru-guru 'Specialist' ataupun guru 'Relief'. Tetapi walau bagaimanapun, saya berharap penambahan murid-murid pada kadar 30 atau 32 kepada seorang guru adalah yang sebaik-baiknya.

Saya berharap apabila pengambilan guru-guru baru diambil pada tahun hadapan nisbah kiraan murid hendaklah diambil kira supaya seseorang guru itu dapat menumpukan masa terhadap pelajaran yang hendak diajarkan kepada murid-murid.

Tuan Pengerusi, menyentuh Program (4) (a)—Biasiswa dan Dermasiswa, mukasurat 233. Kita sedia maklum bahawa semua ibu-bapa berkehendakkan anak-anaknya mendapat pelajaran tinggi. Tempat pelajaran tinggi di universiti adalah terhad. Saya ingin mengesyorkan di sini bahawa sekiranya terdapat ramai pelajar-pelajar kita yang ingin memasuki pelajaran tinggi di dalam atau di luar negeri dan sekiranya mereka itu mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi, adalah diharapkan supaya Kerajaan boleh mengadakan satu Tabung Pinjaman yang dikendalikan sebagai Skim Pinjaman Untuk Pelajaran Tinggi untuk memudahkan pelajar-pelajar kita, melanjutkan pelajarannya. Buat permulaan saya rasa bolehlah diadakan satu peruntukan kecil dan dikaji semula dari setahun ke setahun untuk membolehkan mereka mendapat pelajaran tinggi melalui pinjaman ini selain daripada biasiswa dan dermasiswa yang diadakan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Program (8)—Pengendalian Peperiksaan mukasurat 234. Saya rasa masanya telah sampai bagi kita mengulangkaji sistem peperiksaan di sekolah-sekolah. Sistem peperiksaan sekarang ini diikuti sebagai sistem British. Cara sistem peperiksaan yang dijalankan sekarang ini adalah membebaskan murid-murid terlalu banyak di dalam satu ketika iaitu bila menjelang cukup tahun maka tumpuan secukup-

nya diberi untuk peperiksaan tersebut. Saya tidak tahu samada Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan ada membuat kajian tentang sistem peperiksaan yang ada sekarang ini.

Saya berpendapat bahawa sistem peperiksaan secara penggal, misalnya tiap-tiap penggal persekolahan diadakan peperiksaan. Markah peperiksaan itu diambil kira dan dicampurkan ketiga-tiga penggal persekolahan dalam setahun. Ini saya rasa bukan sahaja memberikan murid-murid sentiasa tekun belajar untuk menghadapi peperiksaan tetapi juga memberi mereka supaya tidak cuai di dalam pelajarannya. Sekiranya ini dapat dilakukan, saya rasa ada baiknya kita mengkaji sistem peperiksaan tahunan yang ada sekarang kepada sistem peperiksaan penggal iaitu tiga kali peperiksaan secara penggal dalam setahun.

Saya juga berpendapat bahawa sistem peperiksaan tiap-tiap penggal itu adalah lebih praktikal dan tidak membosankan murid-murid belajar. Pada masa sekarang ini sebagaimana yang kita ketahui bahawa tiap-tiap penggal diadakan ujian dan markah yang diperolehi tidak diambil kira sebagai markah peperiksaan. Alangkah baiknya diadakan peperiksaan penggal daripada ujian yang lebih menitikberatkan kepada ketekunan pelajaran sepertimana yang ada sekarang.

Saya berpendapat sistem yang seumpama ini dapat dibuat kajian secara mendalam supaya perubahan ini dapat dilakukan secara berperingkat demi kepentingan pelajaran anak-anak kita.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan dengan ini saya menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.54 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Yang pertama saya ingin merujuk kepada Maksud B. 29, mukasurat 234, Program (5)—Perancang, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran.

Tuan Pengerusi, mengenai hal ini saya suka merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran.

Pada tahun 1974 Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusi oleh Menteri Pelajaran pada masa itu untuk

menyemak semula pelaksanaan Dasar Pelajaran untuk negara kita. Saya juga menyedari bahawa lebih daripada 350 memorandum telah diserahkan kepada Jawatankuasa itu oleh Kesatuan-kesatuan Guru-guru, Kesatuan-kesatuan Ibubapa, Parti-parti Politik dan mereka yang ada minat dalam soal pelajaran. Oleh kerana laporan rasmi oleh Jawatankuasa itu telah disiapkan pada masa ini, saya mencadangkan supaya laporan ini dapat dibentangkan dalam Parlimen sebagai satu perbahasan penuh.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Program (5) (e)—Biro Buku Teks. Mengenai Biro Buku Teks ini saya suka mengesa Kerajaan supaya mencari jalan-jalan untuk menentukan bahawa Skim Pinjaman Buku Teks Sekolah akan memberi faedah yang lebih kepada murid-murid sekolah. Kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah \$17 juta dalam Belanjawan 1980 untuk Skim Pinjaman Buku Teks Sekolah dengan tujuan untuk memberi faedah kepada 2.6 juta murid-murid atau 80% daripada jumlah murid-murid sekolah di negara kita. Pada masa sekarang had pendapatan untuk melayakkan seseorang murid mendapat pinjaman di bawah skim ini ialah pendapatan ibubapa atau penjaganya di antara \$200 hingga \$500. Memandangkan hal ini saya rasa bahawa pertimbangan haruslah diberi untuk melonggarkan syarat-syarat mengenai pendapatan ibubapa atau penjaga supaya lebih ramai lagi murid-murid akan mendapat faedah di bawah Skim Pinjaman Buku Teks ini.

Ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud P. 29, mukasurat 251, Butiran 1—Pelajaran Rendah. Mengenai pelajaran rendah, saya suka mengesa Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah berikut dalam usaha menggalakkan lagi pelajaran ibunda yang ada kaitan dengan maksud Artikel 125 Perlembagaan. Pertama, membina lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina berdasarkan kepada pelbagai kawasan dan juga berdasarkan kepada jumlah penduduk dalam bandar-bandar. Kedua, memberi lebih banyak wang pembangunan untuk sekolah-sekolah rendah Cina. Ketiga, melantik Kerani-kerani Sekolah yang dapat menguasai bahasa Cina dengan baik untuk SRJK Cina. Keempat, memperkenalkan kelas-kelas latihan untuk guru-guru sekolah rendah Cina dalam semua sekolah-sekolah rendah. Kelima, memperkenalkan

Skim Buku Rujukan atau buku panduan untuk menambah pengetahuan guru-guru dalam semua bidang.

Satu perkara lain yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Maksud B. 29, Butiran 7—Latihan Guru.

Tuan Pengerusi, atas perkara latihan guru saya ingin menyentuh masalah guru-guru sementara untuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Salah satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di sekolah SRJK Cina ialah dengan pengambilan guru-guru jenis sementara bagi memenuhi keperluan mereka. Sungguhpun demikian tetapi apa yang mendukacitakan saya sekarang ialah keadaan jaminan masa depan dan peluang-peluang pekerjaan untuk guru-guru sementara tidaklah begitu memuaskan jika dibandingkan dengan keadaan jaminan dan peluang masa depan guru-guru yang tetap yang berkeelayakan. Pada masa ini guru-guru sementara yang diambil bekerja hanyalah diperlukan atau dikehendaki mempunyai darjah pencapaian pelajaran akademik yang tertentu sahaja tanpa kelulusan atau kelayakan dalam kursus-kursus iktisas perguruan dan juga tidak perlu pengalaman-pengalaman mengajar di sekolah ataupun di sekolah menengah. Perjanjian Kerajaan hanya surat perjanjian perkhidmatan bertulis yang membuktikan di antaranya ialah elaun bulanan yang dibayar kerana mengajar tidak memberi jaminan dan pampasan tertentu seperti Kumpulanwang Simpanan Pekerja atau lain-lain caruman. Juga dicatatkan bahawa mereka diambil bekerja atau bertugas untuk sesuatu jangka masa sahaja bila diperlukan dan akan ditamatkan perkhidmatan mereka pada bila-bila masa. Di samping itu mereka tidak diberikan kursus-kursus intensif mengenai perguruan atau pengajaran semasa dalam perkhidmatan mereka.

Di sini saya ingin menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang berikut:

Pertama, mengenalkan semula kelas-kelas latihan guru sementara semasa cuti penggal persekolahan dan memberi keizinan kepada semua guru-guru sementara menjalani rancangan-rancangan latihan seumpama itu;

Kedua, menyerapkan guru-guru sementara SRJK Cina ke dalam Maktab-maktab Latihan Perguruan;

Ketiga, menugaskan semula guru-guru sementara untuk tahun depan;

Keempat, menimbangkan supaya mereka yang telah menjalani dan menghabiskan kursus-kursus latihan semasa cuti menjadi guru-guru yang berkelayakan;

Kelima, menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru di SRJK Cina.

Jumlah guru-guru sementara pada masa ini ialah melebihi 1,300 orang. Inilah satu bukti bagaimana seriusnya masalah kekurangan ini pada masa ini. Pada masa sekarang Kementerian tidak menyediakan peluang-peluang latihan untuk guru-guru sementara yang baharu dilantik sebagaimana yang tercatat dalam perjanjian perkhidmatan. Memberikan peluang-peluang latihan untuk guru-guru sementara adalah satu tanggungjawab Kerajaan dan khasnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dalam menentukan jumlah guru-guru SRJK Cina yang cukup.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, apa yang sungguh mendukacitakan ialah tidak terdapatnya jaminan pekerjaan untuk guru-guru sementara jika dibandingkan dengan guru-guru tetap yang lain dan mereka ini boleh diberhentikan perkhidmatannya pada bila-bila masa. Tambahan pula pada masa sekarang mereka hanya memperolehi pendapatan dalam bentuk elaun dan tidak dalam bentuk gaji.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, atas perkara pelajaran rendah juga, saya suka menyentuh Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Salah satu masalah penting yang dialami oleh Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara kita ialah masalah kekurangan bilik-bilik darjah, kekurangan kemudahan-kemudahan persekolahan dan lain-lain. Sungguhpun saya sedar bahawa masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina sahaja tetapi juga dihadapi oleh Sekolah-sekolah Rendah aliran bahasa Tamil dan aliran Kebangsaan, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa masalah ini lebih dialami oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Dalam negara kita terdapat hampir 1,000 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan boleh dikatakan bahawa kebanyakan mereka itu ada menghadapi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Dalam masa soal jawab, di Dewan ini baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa di

bawah Rancangan Malaysia Ketiga jumlah peruntukan bantuan modal bagi sekolah-sekolah ini adalah \$8.5 juta. Suka saya menyatakan di sini bahawa jumlah ini amat kurang dan tidak mencukupi untuk memperbaiki dan menambah keperluan-keperluan sekolah untuk semua Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara kita. Oleh sebab itu saya pernah membuat soalan lisan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Tabung Wang Pusingan Khas yang patut ditubuhkan oleh pihak Kementerian beliau bagi keperluan fizikal sesuatu sekolah. Tetapi jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menunjukkan bahawa beliau tidak memahami maksud soalan saya dan juga menunjukkan bahawa beliau tidak memahami pengertian Tabung Wang Pusingan dan tujuan-tujuannya. Bagaimanapun apa yang saya maksudkan sebenarnya ialah ditubuhkan ataupun diadakan satu Tabung Wang Pusingan atau dalam bahasa Inggerisnya "reinvestment" dengan mempunyai jumlah wang lampung (float). Apabila wang di dalam tabung ini telah digunakan bagi maksud-maksud yang dikehendaki bererti jumlah wang yang digunakan di dalam tabung itu harus dibayar semula oleh pihak Kementerian bagi mencukupi jumlah wang lampung yang asal. Tabung Wang Pusingan Khas ini boleh digunakan untuk memperbaiki Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah yang rosak bangunannya yang perlu dibaiki atau menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pelajaran seperti kerusi, meja dan lain-lain peralatan yang tidak mencukupi. Jaminan pihak Kementerian yang akan berusaha mendapat lebih banyak lagi peruntukan wang untuk bantuan modal dan juga untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi sekolah-sekolah berkenaan adalah baik. Akan tetapi saya berharap bahawa jumlah yang akan diperuntukan akan merupakan satu jumlah yang bermakna. Bahawa satu langkah yang konkrit haruslah disiapkan terlebih dahulu bagi memastikan yang peruntukan itu memang sedia ada.

Dengan ini saya suka mencadangkan supaya ditubuhkan satu Tabung Wang Pusingan Khas yang berjumlah \$30 juta untuk memenuhi apa yang saya sebutkan tadi. Sekianlah sahaja terima. kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.04 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah B. 29, Program (1) (a) - Pengurusan Pelajaran Rendah dan Menengah, dan juga berkenaan dengan Program (3) (a) - Pentadbiran Umum dan (b) Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri.

Saya amatlah berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang mana membuat satu peraturan baru yang sesuai dengan keadaan. Pendek kata yang jadi ketua itu betul-betul ketua, gajinya lebih; yang menjadi orang bawah gajinya kurang sedikit. Maksud saya begini.

Di masa yang silam pentadbiran sekolah-sekolah ini boleh dikatakan guru-guru di sekolah itu tidak begitu tersusun, kerana kadang-kadang yang menjadi Guru Besar, berjawatan penuh sedangkan gajinya ada yang setengah-setengah Guru Besar lebih murah, lebih rendah daripada gaji-gaji Guru Penolong dan sebagainya. Tetapi dengan keadaan hari ini dengan digredkan sekolah-sekolah kepada A, B, C dan D diikuti dengan keadaan muridnya maka ini adalah satu kesesuaian, bermakna siapa yang pelajarnya banyak, guru itu diletakkan ke kategori A dan gajinya banyak. Ini adalah satu peraturan yang menasabah diberi bagi menilai kerja yang lebih diberi lebih. Saya ucapkan syabas!

Tetapi yang menjadi masalah ada satu perkara lagi yang baru-baru ini telah timbul. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Kementerian Pelajaran yang mana di negeri Perlis ada mempunyai sebuah Pejabat Pelajaran yang mana kalau hendak dibandingkan dengan pejabat-pejabat lain yang ada di negeri Perlis, Pejabat Pelajaran Negeri Perlis sahajalah yang mempunyai satu bangunan. Maklumkan kalau tidak silap saya setahun perbelanjaan untuk pelajaran di negeri Perlis lebih daripada \$10 juta sedangkan perbelanjaan dalam pejabat-pejabat lain di negeri Perlis pun amatlah sedikit sedangkan pendapatan bagi negeri Perlis amatlah sedikit. Ini saya mengakui. Dengan sebab itulah bagi pihak Kementerian telah mengadakan seorang Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Perlis. Saya tidak tahulah di negeri lain, tetapi di negeri Perlis jawatan yang besar sekali dalam Jabatan Pelajaran ialah Pengarah Pelajaran. Nombor dua, ialah Timbalan Pengarah. Tetapi yang mengaibkan saya, guru-guru

ataupun Pengetua-pengetua di sekolah-sekolah menengah di negeri Perlis ada di tiga sekolah mendapat gaji lebih tinggi daripada gaji Timbalan Pengarah sendiri. Jadi berbalik macam saya kata tadi, dari segi gurunya bagus tetapi dari segi gaji, sebaliknya. Jadi saya harap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong ambil perhatian atas perkara ini. Negeri lain saya tidak tahu. Tetapi negeri Perlis berlaku sangat-sangat dan perkara ini masih berlaku lagi.

Kalaulah kita kata satu kerja seperti Executive sebagaimana terdapat di dalam syarikat ataupun Pengerusi Lembaga Sekolah, itu lainlah kerana dia kadang-kadang pergi tengok sekali sekala, tetapi ini bertugas penuh - Pengarah, dia nombor dua ada yang nombor tiga dan empat, ini gajinya murah daripada dia. Ini sudah terbalik. Dari segi protokol, special tetapi dari segi gaji murah. Jadi saya haraplah Timbalan Menteri tolong tengok sangat-sangat perkara ini.

Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada Sekolah Teknikal dan Vokasional. Saya ucapkan terima kasih kerana di Perlis pun ada satu. Jadi kita tahu sekolah ini bukanlah lekeh, tetapi baik. Jadi saya yakin murid-murid yang dipilih memasuki sekolah Teknikal dan Vokasional ini adalah terdiri dari mereka yang cenderung kepada pertukangan seperti memperbaiki enjin dan sebagainya. Jadi saya harap, Tuan Pengerusi, utamakanlah sekolah ini. Kalau ada tawaran kerja hendak pakai tukang memperbaiki enjin dan sebagainya, pihak Kementerian Pelajaran misalnya hendak ambil beberapa orang pada tahun 1979, sekolah Vokasional di seluruh Malaysia pada sekian tahun sekian pelajar yang lulus; hendaklah berhubung dengan Kementerian Perusahaan Awam - ini murid kami, beri kerja. Tetapi yang saya rasa dukacita apabila ditemuduga calon yang ada kebolehan dia tidak ambil peduli. Sudahlah dari segi kebolehan lain dia tidak pandai, dari segi yang dia pandai pun di bidang sains dan sebagainya, dia tidak diambil untuk jawatan yang sepatutnya dia berkebolehan.

Jadi saya harap selepas kita adakan Sekolah Vokasional ini tolong ikhtiar dengan pihak Kementerian berkenaan yang memerlukan pekerja-pekerja mahir yang ada pengalaman berkenaan dengan enjin khususnya lepasan Sekolah-sekolah Vokasional itu supaya berhubung di situ.

Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya hendak pergi ke perkara yang satu lagi. Saya bersyukur kepada Tuhan juga, yang baru-baru ini dalam dua tahun yang lepas kalau tidak silap saya semua sekolah-sekolah agama telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran. Tetapi saya terdengar ada guru-gurunya yang tidak begitu ditetapkan jawatan. Kadang-kadang mereka ini berasa tersinggung sedikit sedangkan mereka telah dijanjikan dengan gred-gred yang tertentu dengan keadaan dan kebolehan mereka. Jadi saya haraplah berdasarkan kepada kebolehan mereka ini saya harap pihak Kementerian tolong ambil perhatian atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, juga saya bercakap dalam P. 29 secara ringkas. Kalau hendak saya kata minta, saya mintalah secara berterus terang. Perlis tentulah tidak layak diadakan universiti kerana universiti setakat yang ada ini sudah cukup. Haruslah pada masa yang akan datang akan ditubuhkan lagi. Dan boleh jadi kalau dibuat di negeri Perlis pun tidak sesuai kerana tanahnya terlampau sedikit. Tetapi kalau di Kelantan ada Maktab Perguruan begitu juga negeri-negeri lain ada Maktab-maktab Perguruan, maka di Perlis ini pun, saya harap tolonglah timbang semula.

Biasa Kementerian mengadakan percubaan di Perlis kononnya susah air dan beberapa perkara lagi, tetapi saya fikir tidak ada negeri yang tidak ada masalah. Pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, masa banjir tetapi Perlis tidak ada banjir lagi, kalau banjir sedikit, tetapi kalau hendak bandingkan dengan negeri Kelantan dan negeri-negeri lain, Perlis setakat hari ini bersyukur. Jadi kalau soal masalah semua negeri ada. Sebab itulah saya berharap sangat-sangat tolonglah buat satu maktab perburuan walau pun tidak sebesar di negeri lain, tetapi adakan juga di negeri Perlis itu.

Tuan Pengerusi, beralih saya juga kepada P. 29, Butiran 8—Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang tadi mengatakan akan membanyakkan rumah-rumah guru di luar bandar. Ini sangat bersesuaian. Saya berpendapat kalau boleh tetapi saya percaya ada di antara kawan-kawan saya sendiri cikgu pun tidak bersetuju—setengah-setengahnya tidak bersetuju hendak buat rumah guru di luar bandar ini. Saya berpendapat lebih mesra lagi kalau boleh tiap-tiap Guru Besar itu ditempatkan di sekolah dan dibuatkan rumah guru mesti ada di luar bandar iaitu rumah

yang agak berpatutan, janganlah buat rumah yang teruk sangat kerana siapa hendak duduk, bukan sahaja guru, lain daripada guru tidak tergamak hendak duduk. Di tempat saya dibuat rumah guru kita hendak duduk pun tidak gemar tambahan lagi di zaman moden ini hendak duduk rumah biarlah agak yang bersesuaian. Jadi, bila guru itu pagi dia mengajar, di sebelah petang dia bermesra dengan orang kampung seolah-olahnya guru itu bukan sahaja pemimpin sekolah tetapi dia tahu hal masyarakat dalam kampung itu, itu lebih mendekatkan lagi kerana dia tahu bagaimana keadaan bapa murid itu susahkah, senangkah bila dia duduk di situ, macam zaman silam rumah guru ada ditempatkan di sekolah ini. Saya ingat lebih baik lagi, apatah lagi kalau di luar bandar sesuai sangat.

Tuan Pengerusi, begitu juga tentang asrama. Saya ingat kalau kita tengok keputusan peperiksaan, keputusan yang paling tinggi sekali, Tuan Pengerusi, murid-murid SPM dan sebagainya, murid-murid dalam asrama penuh baik di Perlis ada sebuah iaitu Asrama Syed Putra, begitu juga di negeri-negeri lain, asrama penuhlah kebanyakan murid-muridnya yang dapat markah tinggi, maklumlah kerana murid-murid itu belajar di situ bersama-sama dengan guru, siang malam bersama-sama dengan kawan yang ada dalam sebuah asrama sama-sama belajar. Jadi, dengan sebab itu, saya berpendapat kalau boleh banyakkannya asrama lagi; janganlah tunggu kepada asrama penuh, tengoklah sekolah-sekolah di luar bandar sekalipun yang muridnya tinggal jauh sampai 3 batu berjalan kaki. Saya biasa nampak sendiri, Tuan Pengerusi, murid-murid itu berjalan kaki sampai 3 batu; betullah masa kita dahulu biasa berjalan 8 batu, tetapi ini zaman sains dan teknologi orang pergi dengan kapal terbang, orang naik motokar, ini pula berjalan kaki 4 batu, 8 batu siapa suruh, kita kena ikut zaman. Kalau orang sudah maju, kita hendak berundur kebelakang. Saya biasa berjalan kaki sampai 6 batu pergi sekolah tetapi bukan zaman. . . .

Tuan Pengerusi: Tadi 8 batu, sekarang turun 6 batu pula.

Tuan Shaari bin Jusoh: Yalah, Tuan Pengerusi, pergi dan balik, silap tentang itu, saya minta maaf (*Ketawa*). Saya biasa berjalan sampai 8 batu pergi dan balik. Jadi, saya berpendapat patutlah diadakan mini asrama atau asrama kecil di tiap-tiap sekolah

di luar bandar, jangan sekolah menengah sahaja, hari ini diadakan di sekolah menengah sahaja. Jadi, ada murid kedapatan hendak pergi sekolah tidak ada kenderaan, payah dan sebagainya, biarlah Jawatankuasa Lembaga Pengurus dan PIBG berurus dengan pihak Kerajaan. Katalah berkenaan dengan makanan dan sebagainya setengah Kerajaan membiayai dan setengahnya pihak Pengurus PIBG membiayai baharulah kita boleh menampung anak-anak yang kebanyakannya terbiar hari ini. Ini bila hendak pelajaran tinggi pergi ke asrama. Kita tentu tahu kalau pokok itu tumbuh subur kalau dia hendak besar, dia kena jaga benih itu daripada kecil, bila sudah benih itu terbantut kata orang Perlis bila hendak besar pun payah.

Manakala daripada kecil sudah tergentak pergi ke atas pun susah sangat. Jadi, saya harap patutlah dibanyakkan asrama, janganlah nanti asrama yang ada, kalau tidak boleh cantik macam itupun biarlah budak-budak itu boleh duduk yang bersesuaian.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya hendak bercakap secara ringkas berkenaan dengan Pemberian Modal kepada Sekolah-sekolah. Saya ucapkan terima kasih kerana Kerajaan banyak pemberian ke sekolah seperti beri makanan. Saya harap ditambahkan lagi, jangan setakat Darjah III sahaja tetapi murid-murid Darjah IV, V dan VI yang sudah itu murid-murid inilah bukanlah semua murid-murid itu senang. Setakat Darjah III dan IV pergi ke V dan darjah VI bukan ada perbezaannya umur budak-budak, kalau kawan dia makan, dia tidak makan kesihan budak itu. Jadi, saya tidak tahulah di setengah-setengah sekolah dibuat perbezaan dan kalau boleh dibanyakkan lagi.

Yang kedua, Pemberian kepada Sekolah-sekolah ini cepatkanlah lagi sedikit.

Saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, yang patut diberi pada bulan Januari, tetapi diberi pada Penggal Dua bulan 4, kadang-kadang cikgu-cikgu hendak kena beli satu barang misalnya, harga yang sepatutnya \$40.00 terpaksa beli sampai \$60.00 kerana kena hendak berhutang dahulu, itupun kalau diberi. Kalau hendak beri, berilah mengikut program yang tertentu, senang ditempah di mana tempatnya. Ini berlaku betul-betul, Tuan Pengerusi. Apa yang saya cakapkan ini betul-betul berlaku walaupun saya bukan cikgu tetapi kerana berdamping dengan budak-

budak saya dapat tahu inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan ini dan diharapkan lebih banyak lagi peruntukan diberi kepada pelajaran kerana pelajaran membawa kemajuan kepada bangsa baik dunia dan akhirat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bachok.

6.17 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Maksud Bekalan 29 dan Pembangunan 29 Kementerian Pelajaran. Perbelanjaan Kementerian Pelajaran tahun 1980 sebagaimana yang diumumkan ialah terdiri daripada Belanja Mengurus \$2,053,015,000 dan Belanja Pembangunan \$521,612,220 juta ini berjumlah sebanyak \$2,574.6 juta.

Tuan Pengerusi, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, muka surat 233, Program (1) Pelajaran Rendah dan Menengah: (a) Pengurusan Pelajaran Rendah dan Menengah (b) Sebaran Pendidikan (c) Pelajaran Rendah (d) Pelajaran Menengah (f) Pelajaran Rendah Lanjutan. Adalah semua perbelanjaannya itu, iaitu perbelanjaan di bawah Program (1) tadi berjumlah sebanyak \$119,089,200. Ini bererti kekurangan sebanyak \$6,612,300 daripada tahun ini. Sedangkan bilangan jawatan pula di dalam semua bahagian ini yang dianggarkan bagi tahun 1980 ialah 147,285 jawatan, ini bererti bertambah seramai 5,651 jawatan. Jadi, saya kurang faham dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, sama ada apa yang difahamkan oleh saya ini silap iaitu bilangan jawatannya bertambah seramai ataupun sebanyak 5,651 sedangkan peruntukannya kurang sebanyak \$6 juta lebih atau bilangan jawatan yang diambil atau ditambah itu adakah sebagai kakitangan sementara sahaja untuk tempoh selama 6 bulan atau 12 bulan saya tidaklah mengetahuinya. Saya sangat berterima kasih, jika penjelasan kepada masalah ini diberi.

Tuan Pengerusi, Butiran 1100, muka surat yang sama Program (3) Pentadbiran Awam peruntukan \$34,194,890. Saya akan bercakap dalam kedua-dua pecahan ataupun ceraihan (a) dan (b) iaitu Pentadbiran Umum dan Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri,

kedua-duanya memerlukan perbelanjaan sebanyak lebih daripada \$27 juta. Dalam perkara ini saya dengan ikhlas suka menyentuh berkenaan dengan pertukaran guru-guru atau kenaikan pangkat Guru-guru Besar berikutan dengan penggredan sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh negara baharu-baharu ini yang melibatkan seramai 2,511 orang Guru Besar sebagaimana diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tempoh hari. Tuan Pengerusi, walaupun faktor politik dan pentadbiran dan struktur tidak boleh diketepikan, walaupun pentadbiran awam bermula dengan satu kelakuan politik dan walaupun keputusan Kerajaan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu pentadbiran yang digunakannya untuk melaksanakannya bergantung kepada faktor politik namun tekanan yang berterusan, dan faktor-faktor manusia dan politik adalah boleh membantut kebaikan pentadbiran dan ini adalah sewajarnya merupakan prinsip-prinsip dan dasar Kerajaan yang mesti diamalkan.

Sebelum saya melanjutkan perbincangan mengenai perkara ini, ingin saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Timbalannya serta semua pegawai-pegawai tinggi yang terlibat dan bertanggungjawab kerana merancang dan memperkenalkan suatu perubahan yang baik terhadap Guru Besar yang tidak banyak orang ramai menyedari hakikat bahawa betapa berat dan sulitnya beban dan tugas yang dipikulkan kepadanya.

Setengah-setengah masyarakat, Tuan Pengerusi, selalu menghitungkan bahawa guru hanya mempunyai tugas lebih sedikit 6 bulan sahaja dalam setahun. Sebenarnya bukan begitu, apatah lagi jika ianya seorang Penge-tua atau Guru Besar sekolah. Jadi, dengan sistem kenaikan pangkat ini diperkenalkan dan diikuti pula oleh kejayaan-kejayaan perkhidmatan yang cemerlang serta kecergasan seorang Guru Besar itu direkodkan, maka masyarakat akan mengenali guru dari dekat dan sebenarnya Guru Besar itu juga satu jawatan atau seorang yang memikul tanggungjawab yang berat seperti lain-lain Ketua Pejabat.

Tugas seorang Guru Besar, Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya mentadbir, menyelia guru-guru di sekolah dan menyampaikan pengajaran dan mengajar matapelajaran-matapelajaran yang tertentu. Kerja merekodkan seorang Guru Besar itu terus dijalankan

sama ada berjaya di dalam perkhidmatan atau lemah, beku dan tidak mempunyai disiplin yang baik. Ini ialah bagi menyenang dan memudahkan pihak-pihak yang tertentu sama ada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri-negeri atau Kementerian Pelajaran atau pihak-pihak yang bertanggungjawab menilai dan memutuskan seseorang Guru Besar itu patut atau tidaknya dinaikkan pangkat.

Saya ingin bertanya khususnya di Pejabat Pelajaran Negeri saya sendiri adakah kedua-dua faktor yang dinyatakan itu dimasukkan ke dalam rekod-rekod perkhidmatan dari mula seorang Guru Besar itu berkhidmat di dalam guru biasa dan disambung pula selepas itu dengan tugas Guru Besar yang sekian-sekian tahun lamanya. Sama ada pengalaman dan kemahiran seorang Guru Besar yang lebih lama berkhidmat dan lebih tua memegang jawatan Guru Besar itu tidak berguna langsung atau bagaimana. Ada Guru Besar sekolah rendah yang baru sahaja berkhidmat 3 tahun dilantik menjawat Guru Besar di sekolah rendah Gred B sekolahnya tidak berjaya dinaikkan ke Gred A tetapi dia terus dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi menjadi Guru Besar di sekolah rendah Gred A dan banyak perkara ini berlaku, terutama sekali di Kelantan, mungkin 95% ada berlaku di lain-lain negeri. Walau bagaimanapun, saya percaya sebahagian besar calon Guru Besar yang dinaikkan pangkat itu sesuai dan layak ianya dinaikkan pangkat.

Pandangan saya ini, Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak banyak berbeza dengan amalan yang telah dilakukan oleh Kementerian dan juga Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri dan saya percaya kenaikan pangkat Guru Besar ini bagi negeri-negeri lain selain daripada Kelantan boleh dipuji, tetapi bagi negeri Kelantan, khususnya di kawasan saya Bachok, kenaikan pangkat Guru Besar ini menimbulkan sungutan orang ramai sebab kedapatan guru-guru yang layak, cergas, mempunyai pengalaman dan kebolehan yang baik banyak yang tidak dinaikkan pangkat. Ada setengah pula turun mengikut istilah mereka, sebenarnya tidak turun sebab Guru Besar B itu sama tarafnya dengan Penolong Kanan di sekolah A. Ada Guru Besar yang sudah berkhidmat kira-kira 18 tahun termasuk beberapa tahun di sekolah B dan sekolahnya dinaikkan ke Gred A, maka dia ditukarkan ke sekolah lain menjadi Penolong Kanan sekolah A.

Saya faham penukaran itu tidak menjatuhkan pangkat tetapi mengikut pandangan umum mereka sebenarnya turun pangkat. Kita isytiharkan kepada orang ramai, mengatakan mereka tidak turun pangkat. Saya berpendapat guru seperti ini patutlah ditimbangkan mejadi Guru Besar B dahulu. Guru Besar B di sekolah lain tidak terus turun menjadi Penolong Kanan di sekolah A. Ada pula setengah Guru Besar di sekolah B yang berkhidmat kira-kira 8 tahun, tidak termasuk tempoh memegang jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah lain, muridnya sekarang hampir 1,000 orang. Pada tahun ini ada 22 kelas dan pada tahun hadapan ada 24 kelas, bilik darjahnya ada 11 kelas. Pada tahun hadapan ini ada 24 kelas, 22 kelas sahaja akan dapat dimuatkan murid-murid itu manakala 2 kelas lagi mungkin barangkali akan dicari tempat yang lebih sesuai untuknya. Kalau kita melawat sekolahnya, sekolah yang saya sebutkan itu, kita dapati nama-nama murid-muridnya yang berjaya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Berasrama Penuh terpampang di pintu bilik Guru Besarnya. Laporan Nazir Bebas juga baik, Laporan Odit sekolahnya pun baik.

Baru-baru ini suatu rombongan dari Sabah melawat sekolah itu kerana hendak melihat pentadbiran perpustakaan. Pihak yang bertanggungjawab di Kelantan memilih sekolah rendah itulah sebagai tempat lawatan rombongan dari Sabah. Tetapi yang mendukacitakan saya Guru Besar inipun ditukar juga menjadi Penolong Kanan di sebuah sekolah lain, sepatutnya dia dinaikkan ke Pangkat A di sekolahnya sendiri untuk membolehkan Guru Besar B yang lain yang lebih junior daripadanya dapat peluang menjadi Guru Besar A di sekolah yang tersebut.

Saya berpendapat keadaan ini tidak boleh disalahkan kepada Kementerian Pelajaran ataupun tidak boleh disalahkan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat Kementerian Pelajaran sepenuhnya sebab mungkin Lembaga Kenaikan Pangkat di Kementerian Pelajaran bertanggungjawab sekadar mengesahkan sahaja di samping membincang sedikit sebanyak dalam masalah itu. Perakuan yang sebenarnya, pertimbangan yang detailnya, perhitungan yang adilnya adalah dibuat dan disediakan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri atau Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri.

Di kawasan Parlimen Bachok banyak masalah dan sungutan yang timbul di kalangan orang ramai mengenai perkara pertukaran guru. Dari semua guru-guru yang dinaikkan pangkat adalah tidak seorang pun terdiri daripada orang-orang yang tidak dari UMNO, semuanya terdiri dari rakan-rakan saya dari UMNO, sama ada yang memegang jawatan Ketua, Jawatankuasa atau penyokong-penyokongnya. Rakan-rakan saya dari luar kawasan Bachok pun yang terdiri dari tokoh-tokoh UMNO, terutama tokoh-tokoh UMNO yang berasal dari Bachok dikumpul dan dihimpunkan menjadi Guru Besar dinaikkan pangkat di dalam Bachok. Saya bergembira kerana ramai di antara kawasan-kawasan dan sahabat-sahabat saya berada di Bachok, mudah-mudahan sahabat-sahabat saya dan rakan-rakan saya yang dinaikkan pangkat Guru Besar itu akan menolong saya jika saya dipilih lagi menjadi calon pada masa akan datang. Ini semua saya berpendapat tidak disedari oleh pihak Kementerian Pelajaran tetapi disedari oleh pihak yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Kelantan. Oleh sebab itu, saya percaya kerana beberapa masalah pihak yang bertanggungjawab di Pejabat Pelajaran Kelantan pun bersetuju kalau dia itu dipindah dari negeri Kelantan sebab susah memikirkan dan menimbangkan kehendak hatinya bertentangan dengan apa yang mesti ditulis sebagai perakuan kepada pihak Lembaga di Kementerian Pelajaran. Saya rasa kalau dia ditempatkan di Kuala Lumpur dia akan berterima kasih kepada saya.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini ada sedikit lagi pandangan saya dalam masalah pertukaran guru-guru berikutan dengan penggredan sekolah-sekolah di seluruh negara. Ini pernah dibuat beberapa perbincangan oleh kesatuan-kesatuan guru-guru dan mungkin memorandumnya dihantar kepada Kementerian Pelajaran, maksud saya guru ini ialah Guru Besar Kategori C ataupun disebut juga Guru CI yang mengajar di sekolah menengah rendah. Ramai guru-guru kategori ini yang telah mempunyai pengalaman dan kemahiran menjadi Guru Besar selama antara 10 hingga 15 tahun berkhidmat sebagai Guru Besar sekolah menengah rendah, kemudian sekolahnya dibesarkan menjadi sekolah menengah penuh, dia masih juga dipecayai oleh Pejabat Pelajaran mengendalikan sekolah itu sebagai Guru Besar.

Saya percaya pihak Kementerian sudah memikirkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya tetapi saya ingin juga mencadangkan bahawa guru-guru yang tersebut buat sementara hendaklah dikekalkan di sekolah masing-masing sehingga Kementerian mendapati bahawa kemahiran, saya tidak berani mengatakan kepakaran, dan pengalaman yang ada pada mereka tidak menguntungkan lagi dan ketika itu mungkin dia pun boleh bersara.

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 27hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.